

BAB V: FASA KEDUA ERA MOHD ASRI MUDA

(1969-1974)

Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan perjalanan PAS dari tahun 1969 ke tahun 1974 di mana perbincangan kita akan bermula dengan peristiwa pemangkuan sekali lagi jawatan Yang Dipertua Agung PAS oleh Mohd Asri Muda pada 5 November 1969 dan akan berakhir dengan peristiwa kelulusan ketetapan untuk meneruskan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS pada 23 September 1973. Di dalam jangka masa ini, perjalanan PAS adalah dipandu oleh Perlembagaan PAS 1963 sehingga ia digantikan oleh Perlembagaan PAS 1973 pada 24 Februari 1973. Di dalam jangka masa ini juga, PAS telah melangsungkan sebanyak 3 mesyuarat agung tahunan--iaitu Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 pada 21, 22 dan 23 September 1973--dan 1 mesyuarat agung khas--iaitu Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Kesemua mesyuarat agung ini telah buat pertama kalinya dilangsungkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. PAS telah tidak menyertai sebarang pilihan raya umum di dalam jangka masa ini memandangkan tiada pilihan raya umum dilangsungkan di dalam jangka masa ini.

Yang Dipertua Agung PAS Di Dalam Suasana Baru

Ekoran kematian Dr Burhanuddin al-Helmy pada 25 Oktober 1969,¹ yang disusuli² oleh kematian Abdullah Zawawi Hamzah pada 8 November 1969,³ satu perubahan terbesar sejak dari Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 telah berlaku ke atas struktur kepimpinan PAS⁴ apabila Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung

¹ Surat Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 November 1969 bertajuk "Beberapa Maklumat Dan Arahan Untuk Cawangan Dan Ranting". Hlm. 1. Tulis Penyata Tahunan PAS 1968/1971 mengenai kematian Dr Burhanuddin al-Helmy ini: "Kehilangan Almarhum Prof. Dr Burhanuddin al-Helmy tidak sahaja merupakan satu kehilangan berat bagi PAS, tetapi dirasakan satu kehilangan besar bagi bangsa dan negara. Ini adalah kerana hakikat dan kedudukan beliau sebagai seorang pemimpin Melayu yang terkemuka yang telah memainkan peranan yang penting dan besar dalam perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air dan membela keadilan bangsa. Beliau akan diingati dalam sejarah tidak sahaja sebagai seorang penentang penjajahan yang gigih, seorang ahli politik, tetapi juga sebagai seorang ahli falsafah, ahli perubatan, ahli agama (ulama'), ahli tasauf, bahkan sebagai seorang pengarang dan penulis" (Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 53).

² Selewat 11 Januari 1969, Abdullah Zawawi Hamzah--yang dikatakan merupakan kawan baik Dr Burhanuddin al-Helmy, yang "kadang-kadang sampai tak makan, tidur sama atas lantai sahaja berbantalkan suratkhabar", sejak mereka masih sama-sama menetap di Singapura lagi dan yang "wafat hampir sama (sama-sama hari Sabtu, lewat dua minggu)" (Surat Pernangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Ahmad Azam Napiah bertarikh 20 November 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--masih "bermohon sekali lagi semoga sudi apalah kiranya kerajaan memberi kebebasan bergerak dan berpolitik kepada (Dr Burhanuddin al-Helmy)...semoga dengan kebebasan itu nanti akan dapatlah (beliau) membuktikan tanggungjawabnya kepada agama, bangsa dan negara dengan penuh kesusilaan dan peri kemanusiaan" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia bertarikh 11 Januari 1969 bertajuk "Permohonan Bebas Bergerak Untuk Dr Burhanuddin". Hlm. 1).

³ Surat Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 November 1969 bertajuk "Beberapa Maklumat Dan Arahan Untuk Cawangan Dan Ranting". Hlm. 1. Tulis Penyata Tahunan PAS 1968/1971 mengenai kematian Abdullah Zawawi Hamzah--yang meninggal dunia "sesudah lebih sebulan dirawat di Rumah Sakit (Umum Kuala Lumpur)" (Ibid. Hlm. 1)--ini: "Berpuangnya ke rahmatullah Saudara Abdullah Zawawi Hamzah tidak kurang pula merupakan satu kehilangan besar bagi kita. Allahyarham adalah seorang petugas yang telah berkhidmat begitu lama, penuh ikhlas dan dedikasi mengendalikan teraju perjalanan dan pentadbiran parti. Dalam saat-saat sakitnya sekalipun, dari katil rumah sakit di mana beliau menjalani rawatan beliau selalu terus melaksanakan tugas kepartian yang diamankan kepadanya. Ini membuktikan bahawa Allahyarham adalah seorang yang mengutamakan kepentingan perjuangan lebih daripada kepentingan diri sendiri. Dalam sejarah perjuangan hidupnya, beliau adalah jua merupakan seorang nasionalis, seorang pejuang kemerdekaan yang telah memberi sedikit sebanyak saham dalam perjuangan menebusi kemerdekaan tanah air dari cengkaman kaum penjajah" (Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 54).

⁴ Selain perubahan di dalam susunan organisasinya ini, PAS juga telah mengubah sikapnya kepada Kerajaan Perikatan dengan menyokong dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan olehnya setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei ini. Perubahan sikap ini dimanifestasikan oleh persetujuan sebulat suara Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969 untuk--selain "menyokong langkah dan sikap yang diambil oleh Majlis Gerakan Negara dalam segala usahanya bagi memulihkan undang-undang dan peraturan serta mengembalikan keamanan dan keharmonian di antara penduduk-penduduk

campuran ini dilakukan tanpa dibawa kepada suatu Mesyuarat Agung Khas PAS¹⁴⁹-- mesyuarat ini tetap tidak berganjak dari meneruskan agenda pembentukan kerajaan campuran ini dengan menetapkan Mesyuarat Agung Khas PAS dilangsungkan pada 21 Disember 1972 dan dengan mengarahkan Dewan Ulama' PAS Pusat memanggil satu perjumpaan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 untuk mendapatkan mandat yang lebih kukuh ke atas pembentangan usul pembentukan kerajaan campuran ini.¹⁵⁰

Pengubahsuaihan yang telah dibuat oleh wakil-wakil UMNO, di dalam perundingan mereka dengan wakil-wakil PAS pada 4 Disember 1972, ke atas bentuk dan kandungan 6 garis dasar itu--khususnya melalui perubahan tanggungjawab melaksanakan garis-garis dasar itu daripada kerajaan campuran itu sendiri kepada PAS semata-mata¹⁵¹ dan melalui pelembutan¹⁵² dan pengehadan¹⁵³ usaha mengIslamisasikan

¹⁴⁹ Motif sebenar mengapa Hasan Adli Arshad begitu beria-ia untuk merealisasikan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini tidaklah dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, sejurus setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei, beliau pernah diutuskan sepucuk surat oleh Abdullah Zawawi Hamzah yang di antara lainnya berbunyi: "Keadaan perubahan yang mungkin berlaku di dalam negeri itu perlulah kita kaji benar-benar. Kita atau parti kita mestilah ikut sama berkecimpung untuk menentukan nasib bangsa dan tanah air kita di saat kegentingan sekarang dan akan datang. Desas-desus banyak terdengar bahawa perubahan mesti akan berlaku...Parti kita haruslah tidak ketinggalan mencorakkan apa-apa perubahan yang bakal timbul atau ditimbulkan, walaupun kejayaannya masih belum dapat kita pastikan. Dan saya rasa saudara sendiri lebih merasakan soal ini daripada tokoh-tokoh yang lain" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 18 Jun 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Walaupun beliau mungkin didorong oleh hasrat untuk memastikan PAS "tidak ketinggalan mencorakkan apa-apa perubahan yang bakal timbul atau ditimbulkan", perkembangan yang berlaku selepasnya, khususnya keengganannya beliau mematuhi keputusan-keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 November 1977 ("Rasmi: Asri ketuai berhenti dari kabinet", dlm. Utusan Melayu, 9 November 1977; Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37. Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4149-4154, 4251 dan 4257), yang diperkuatkan lagi oleh pendedahan beliau sendiri di dalam satu perbualan peribadi beliau dengan Wan Hashim Wan Ahmad kemudiannya (Wawancara dengan Wan Hashim Wan Ahmad di kediaman beliau pada 11 Mei 1999), menunjukkan bahawa kepentingan peribadi masih menjadi salah satu motif, kalaupun tidak motif utama, beliau, sekurang-kurangnya tatkala kerjasama di antara PAS dan UMNO ini mula mencapai penghujungnya.

¹⁵⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 10. Mengikut Abu Bakar Hamzah kemudiannya, tujuan perjumpaan ini dilangsungkan "hanya(lah) sekadar mencari *tarjih* untuk menasihatkan Jawatankuasa Kerja Agung khasnya dan Kongres PAS amnya tentang kedudukan masalah (kerajaan campuran) dari segi pandangan *siasah syari'ah*" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertarikh 25 November 1972 bertajuk "Pertemuan Ulama'-Ulama' PAS Pada 14 Disember 1972 Di Kuala Lumpur". Hlm. 1).

Abdul Latif menjawat jawatan Setiausaha Agung dan untuk memilih Jaiz Anwar menjawat jawatan Setiausaha Kerja PAS bagi menggantikan Baharuddin Abdul Latif.⁹

Di antara tarikh perlantikan Mohd Asri Muda memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS, iaitu 5 November 1969, dan tarikh penarikan balik larangan berpolitik, iaitu 1 September 1970,¹⁰ Perikatan telah pun memperkemaskan semula kedudukan politiknya¹¹ di mana dia dalam Dewan Rakyat ia telah berjaya memperolehi majoriti 2/3-nya (96 daripada 144 kerusi) ekoran kemenangan calonnya di Melaka Selatan di dalam sambungan pilihan raya di sana pada 30 Januari 1971,¹² kemenangan 13 calon USNO dan 3 calon SCA di dalam sambungan pilihan raya di Sabah pada 21-27 Jun 1970¹³ dan kemenangan 5 calon PBS, 2 calon SCA dan 2 calon PESAKA--juga sokongan 5 calon

as a Legal Adviser to the PMIP and also as Executive Member of the Central Committee as (he has) to devote more time towards (his) legal practice" (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 23 Januari 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1), tetapi tindakan beliau--bersama-sama Khadijah Mohd Sidek--menandingi, di atas tiket Bebas, Mohd Asri Muda di dalam Pilihan Raya Umum 1969 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 54 dan 75) menunjukkan bahawa perletakan jawatan beliau ini bukanlah didorong oleh keinginan beliau untuk menumpukan perhatian kepada profesion guaman beliau semata-mata.

⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 November 1969. Hlm. 3-4.

¹⁰ Surat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia, Dr Ismail Abdul Rahman, kepada Setiausaha Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, bertarikh 16 September 1970 bertajuk "Pembatalan Larangan Berpolitik". Hlm. 1; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha-Setiausaha (Badan) Perhubungan PAS Negeri, Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan dan Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda Dan Muslimat (PAS) Pusat bertarikh 27 September 1970 bertajuk "Penerusan Semula Kegiatan Berpolitik". Hlm. 1.

¹¹ Di dalam tempoh ini, Seksyen 7 Ordinan No. 1 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, telah dimansuhkan oleh Ordinan No. 32 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970--yang telah kemudiannya dipinda pula oleh Ordinan No. 34 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970, bagi maksud membolehkan penyambungan semula pilihan raya di Sabah dan Sarawak sahaja (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Jun 1970, P.U. (A) 204)--bagi maksud membolehkan penyambungan semula pilihan raya (Warta Kerajaan Persekutuan, 12 Mei 1970, P.U. (A) 143). Ordinan No. 66 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1971, pula telah meminda Ordinan No. 1 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, bagi maksud membolehkan penyambungan semula Pilihan Raya Dewan Rakyat Melaka Selatan (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Januari 1971, P.U. (A) 12).

¹² Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 20, 46 dan 63.

SUPP kepadanya¹⁴--di dalam sambungan pilihan raya di Sarawak pada 6 Jun-4 Julai 1970.¹⁵ Selain kejayaannya--yang memenangi 23 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak, 12 melalui PBS, 8 melalui PESAKA dan 3 melalui SCA¹⁶--membentuk kerajaan campuran dengan SUPP--yang memenangi 12 kerusi--di Sarawak,¹⁷ Perikatan juga telah menguasai 16 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor dan 22 daripada 40 kerusi Dewan Undangan Negeri Perak ekoran penyertaan 1 calon GRM dan 1 calon bebas di Selangor, juga 2 calon PPP dan 1 calon DAP di Perak, ke dalamnya.¹⁸

¹³ Ibid. Hlm. 18-19, 44-45 dan 115. USNO dan SCA merupakan komponen kepada Parti Perikatan Sabah (Ibid. Hlm. 19 dan 45; dan R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 51-52).

¹⁴ William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 218; dan R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 55. Mengikut William Shaw, Ahli Dewan Rakyat Kanowit yang bertanding di atas tiket Bebas, iaitu Unting Umang, juga telah kemudian turut menyertai PESAKA.

¹⁵ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 18-19, 44-45 dan 115. PBS, SCA dan PESAKA merupakan komponen kepada Parti Perikatan Sarawak, tetapi di dalam pilihan raya umum ini hanya PBS dan SCA sahaja yang bertanding menggunakan simbol Parti Perikatan Sarawak manakala PESAKA pula telah bertanding menggunakan simbolnya sendiri (R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 52).

¹⁶ Mengikut R K Vasil, PESAKA telah pada asalnya bersetuju untuk menubuhkan sebuah kerajaan campuran di Sarawak bersama-sama SUPP dan SNAP, tetapi setelah SUPP bersetuju untuk menubuhkan kerajaan campuran bersama-sama PBS dan SCA, PESAKA pun kembali menyertai Parti Perikatan Sarawak semula (R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 55). Mengikut R K Vasil dan Diane Kathleen Mauzy, Ahli Dewan Undangan Negeri Ngemah yang bertanding di atas tiket Bebas, iaitu Lias Kana, juga telah kemudian turut menyertai PESAKA (R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 54; dan Diane Kathleen Mauzy (1978). Consociation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 193).

¹⁷ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 19, 45 dan 115. Mengikut Diane Kathleen Mauzy, salah satu daripada faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-SUPP di Sarawak ini adalah kerana "the federal government wanted the support of SUPP's five Members of Parliament to help get the two-thirds majority it needed to pass the Constitution (Amendment) Bill" (Diane Kathleen Mauzy (1978). Consociation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 197).

¹⁸ William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 218-219.

Pengisytiharan penarikan balik larangan berpolitik oleh Tengku Abdul Rahman Putra pada 30 Ogos 1970¹⁹--hari yang sama di mana beliau mengisytiharkan prinsip-prinsip Rukun Negara²⁰--pula bukanlah penarikan balik yang mutlak kerana Kerajaan Persekutuan telah, pada 10 Ogos 1970, turut mewartakan pindaan kepada Akta Hasutan, 1948, bagi menjadikannya suatu kesalahan bagi sesiapa pun juga untuk mempersoalkan dengan secara terbuka isu-isu sensitif yang merangkumi soal-soal kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kedaulatan raja-raja.²¹ Penarikan balik ini kemudiannya diikuti pula oleh pembentangan, di dalam sidang Dewan Rakyat pada 23 Februari 1971, satu rang undang-undang²² untuk "memberi kuasa

¹⁹ Sewaktu mengisytiharkan penarikan balik larangan berpolitik ini, Tengku Abdul Rahman Putra telah dilapor menyatakan: "Mulai dari besok, perintah berkurung akan dibatalkan dengan sepenuhnya dan rakyat Malaysia akan diberi balik hak mereka dengan sepenuhnya untuk menjalankan gerakan-gerakan politik dengan bebas, terkecuali di dalam perkara-perkara yang ditegah oleh Sedition (Amendment) Act mengenai dengan bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain, hak kerakyatan dan kedaulatan raja-raja" ("Rasmi: Tengku bersara 21 September (Berilah sokongan kepada Tun Razak, seru PM)", dlm. Berita Harian, 31 Ogos 1970).

²⁰ Sewaktu mengisytiharkan prinsip-prinsip Rukun Negara ini, Tengku Abdul Rahman Putra telah dilapor menyatakan: "Saya suka menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berpegang teguh dengan lima asas-asas Rukun Negara, iaitu 'Kepercayaan kepada Tuhan', 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara', 'Keluhuran Perlembagaan', 'Kedaulatan Undang-Undang' dan 'Kesopanan dan Kesusailaan' (Ibid.). Pendirian PAS terhadap pengisytiharan prinsip-prinsip Rukun Negara ini telah kemudiannya dijelaskan oleh Setiausaha Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, yang menulis: "Setakat ini kita dapat menerima Rukun Negara tersebut bukan kerana ia merupakan perkara yang telah cukup sempurna, tetapi sebagai hal yang tidak bertentangan dengan asas dan konsep ideologi kita. Sebab lain yang menjadi asas penerimaan kita terhadap Rukun Negara itu ialah, dalam keadaan sekarang dan pada peringkat politik yang ada pada masa ini, ini sajalah sebaik-baik asas yang dapat dilahirkan untuk dijadikan Rukun Negara. (Walau bagaimanapun), ditinjau dari kaca mata Islam, dari ideologi kita sebagai parti politik Islam, sudah tentulah Rukun Negara itu belum sepenuhnya dapat memenuhi hasrat dan keinginan kita ("Kita dan Rukun Negara", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 3, Jun 1971. Hlm. 3).

²¹ Warta Kerajaan Persekutuan, 10 Ogos 1970, P.U. (A) 282. Pindaan yang terangkum di dalam Ordinan No. 45 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1970--yang telah turut meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954, Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, 1960, dan Akta Pertubuhan, 1966--ini adalah membabitkan penambahan satu perenggan yang berbunyi "(f) bagi menyoal apa-apa perkara, hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau diperlindung oleh peruntukan-peruntukan Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan" ke dalam Seksyen 3(1) Akta Hasutan, 1948.

²² Warta Kerajaan Persekutuan, 4 Mac 1971, Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971. Sewaktu mengemukakan rang undang-undang ini, Abdul Razak Hussein telah menyatakan bahawa pengemukaannya mempunyai dua tujuan utama, iaitu "untuk menyekat perbincangan awam atas perkara-perkara yang sensitif supaya dengan itu dapatlah demokrasi berparlimen berjalan dengan licin di negara kita ini" dan "untuk membetulkan menerusi undang-undang beberapa perkara yang tidak seimbang di kalangan kaum-kaum" (Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parliment Ketiga. Penggal Parliment Pertama. Jil. I, Bil. 2, Hari Selasa, 23 Februari 1971. Ruangan 55).

kepada Parlimen meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan bercakap demi kepentingan keselamatan awam jika percakapan itu akan mempersoal peruntukan berhubung dengan kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kedaulatan raja-raja"²³ dan untuk menyekat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dari mempersoal peruntukan berhubung dengan perkara-perkara berkenaan di dalam sidang-sidang Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.²⁴

Bagi menghadapi rang undang-undang ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Februari 1971, telah--setelah mendengar taklimat Mohd Asri Muda bahawa kelulusannya akan menjadi pra-syarat kepada pemulihan semula demokrasi berparlimen di negara ini--memutuskan bahawa PAS memandangnya sebagai "suatu yang tidak betul dan tidak tepat untuk memperbaiki kekusutan politik negara sekarang" dan bahawa Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS dikehendaki mengecam dan menelanjangi kelemahan dan kekurangannya dengan sehebat-hebatnya.²⁵ Ia walau bagaimanapun telah mengarahkan Ahli-Ahli Dewan Rakyat PAS untuk mengundi menyokongnya untuk membolehkan demokrasi berparlimen berjalan semula di negara ini.²⁶ Rang undang-undang yang dibentangkan oleh Abdul Razak Hussein--yang telah, mulai 22 September 1970,

²³ Warta Kerajaan Persekutuan, 4 Mac 1971, Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971. Peruntukan ini adalah terangkum di dalam Fasal 2 rang undang-undang ini yang akan meminda Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

²⁴ Ibid. Peruntukan ini adalah terangkum di dalam Fasal 3 dan Fasal 4 rang undang-undang ini yang masing-masingnya akan meminda Perkara 63 dan Perkara 72 Perlembagaan Persekutuan. Paling signifikan di antara kesemua pindaan ini ialah kandungan Fasal 7-nya yang memperuntukkan bahawa "tiada apa-apa pindaan boleh dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Fasal 2 rang undang-undang ini dan kepada mana-mana undang-undang yang dibuat di bawahnya, peruntukan berhubung dengan kewarganegaraan (Bahagian 3 Perlembagaan), Perkara 63, 72, 152 dan Perkara 159(5) dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja"--langkah yang disifatkan oleh H P Lee sebagai "*an attempt at 'entrenchment' of the amended constitutional provisions*" (H P Lee, *The Process of Constitutional Change*, dlm. Mohamed Suffian, H P Lee dan F A Trindade (eds.) (1978). The Constitution of Malaysia: Its Development (1957-1977). Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 381-382).

²⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Februari 1971. Hlm. 2.

menggantikan Tengku Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri Malaysia²⁷--telah, di sebalik bangkangan hebat Ahli-Ahli Dewan Rakyat DAP²⁸ dan PPP,²⁹ akhirnya diluluskan oleh Dewan Rakyat apabila ia memperolehi 126 undi menyokong, termasuk 12 undi dari PAS, yang dikatakan "terpaksa membayar dengan harga yang mahal untuk kembali kepada *parliamentary democracy*",³⁰ berbanding 17 undi membangkang.³¹

²⁶ Ibid. Hlm. 2.

²⁷ William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 220.

²⁸ Sewaktu menjelaskan bangkangan DAP, Ahli Dewan Rakyat Bandar Melaka, Lim Kit Siang, telah menyatakan: "*Large and articulate sections of the public do not accept this ban on the so-called sensitive issues...because, firstly, they reject the government's contention that the May 13 riots were caused by the discussion and debate of the so-called sensitive issues during the elections; secondly, the scope of the so-called sensitive issues is so vague that it can cover any criticism or opposition to government policy and action...; thirdly, the ban is solely aimed at opposition members and critics of the government...; (and), fourthly, the ban is seen purely as a political move to bolster the fortunes of the ruling Alliance Party and its component parties which suffered serious reverses in the last general elections...*" (Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Pertama. Jil. I, Bil. 2, Hari Selasa, 23 Februari 1971. Ruangan 76-77).

²⁹ Sewaktu menjelaskan bangkangan PPP, Ahli Dewan Rakyat Menglembu, S P Seenivasagam, telah menyatakan: "*Entrenching of certain special privileges, of provisions as to citizenship and so on, in themselves may not be very objectionable, but the consequential measures to be adopted are most objectionable and, therefore, it is impossible for us to support this Bill without humiliating ourselves*" (Ibid. Jil. I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 156-157).

³⁰ Ibid. Jil. I, Bil. 4, Hari Khamis, 25 Februari 1971. Ruangan 226. Kenyataan Mohd Asri Muda bahawa "berdasarkan hasrat (inginkan kembali kepada *parliamentary democracy*) itulah, pihak kami, PAS, telah mengambil keputusan akan mengundi menyokong (Rang Undang-Undang) (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan ini" (Ibid. Jil. I, Bil. 4, Hari Khamis, 25 Februari 1971. Ruangan 226) walau bagaimanapun telah didahului oleh penegasan beliau bahawa rang undang-undang ini "bukanlah benar-benar merupakan ubat yang mujarab untuk menghilangkan atau supaya tidak lagi berlakunya Peristiwa 13 Mei" (Ibid. Jil. I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 191) kerana "memecahkan masalah perkauman (hendaklah dengan cara perkauman juga)" (Ibid. Jil. I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 194), juga oleh kecaman beliau ke atas "dasar Perikatan yang memberikan hak politik orang Melayu kepada bukan Melayu terlalu banyak sedangkan perbalasan yang seharusnya orang-orang Melayu menerima tidaklah sewajarnya, tidak lumayan" (Ibid. Jil. I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 194)--yang diikuti dengan pemberian data-data terperinci bagi membuktikannya (Ibid. Jilid I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 195-196; dan Ibid. Jil. I, Bil. 4, Hari Khamis, 25 Februari 1971. Ruangan 211-221)--yang dikatakan menjadi punca kepada kewujudan masalah perkauman ini.

³¹ Ibid. Jil. I, Bil. 7, Hari Rabu, 3 Mac 1971. Ruangan 543-546 dan 548-551. Sewaktu menggulung perbahasan ke atas rang undang-undang ini, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dr Ismail Abdul Rahman, telah melabelkan Ahli-Ahli Dewan Rakyat DAP dan PPP yang membangkang keras pengemukaannya sebagai "*hypocri(tes)*", "*political opportunists of the worst type*" dan "*political parasites*" dengan Ahli-Ahli Dewan Rakyat DAP turut disifatkan sebagai "*behaving like ruthless, tricky, smooth, suave, slick political rogues*" (Ibid. Jil. I, Bil. 7, Hari Rabu, 3 Mac 1971. Ruangan 530). Secara lebih spesifiknya, Ahli Dewan Rakyat Menglembu, S P Seenivasagam, telah disifatkan sebagai "*acting like a political scamp*" (Ibid. Jil. I, Bil. 7, Hari Rabu, 3 Mac 1971. Ruangan 530-531) manakala petikan ucapan-ucapan Ahli Dewan Rakyat Bandar Melaka, Lim Kit Siang, yang di antara lainnya

Selain memulihkan semula demokrasi berparlimen di negara ini, kelulusan rang undang-undang ini juga telah menyebabkan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 yang telah mulanya ditunda daripada 11, 12 dan 13 April 1971 kepada 7, 8 dan 9 Mei 1971³² ditunda lagi kepada 18, 19 dan 20 Jun 1971³³ disebabkan keperluan untuk meminda perlembagaannya ekoran arahan Pendaftar Pertubuhan Malaysia yang meminta PAS berbuat demikian sebelum 30 Jun 1971.³⁴ Walaupun begitu, selain untuk memenuhi

dikatakan merujukkan MCA sebagai "*the Chinese-selling MCA, the running dog of UMNO (which) dare say that Chinese cannot study Chinese*" dan yang dikatakan melabelkan Kerajaan Perikatan sebagai "*a Malay government, anti-Chinese, anti-Indian, anti-all other races because it is based on the concept that the country belongs to the Malays and the others here are all on 'tumpang'*" pula telah dijadikan sebagai bukti bagi menggambarkan "bagaimana dahsyatnya lagi perkara-perkara sensitif ini digunakan sebagai senjata politik untuk mendapatkan sokongan politik perkauman dan untuk menghancurkan lawan-lawan politik di luar Dewan ini" (Ibid. Jil. I, Bil. 7, Hari Rabu, 3 Mac 1971. Ruangan 534-535).

³² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Februari 1971. Hlm. 3. Penundaan ini telah dibuat bagi membolehkan PAS menumpukan perhatian kepada pilihan raya kecil bagi merebut kerusi Dewan Rakyat Kapar, Selangor, yang dilangsungkan pada 13 April 1971. Calon PAS, Mohamed Jais Fatahur Rahman, walau bagaimanapun telah dikalahkan dengan majoriti sebanyak 8,762 undi oleh calon Perikatan, Mohd Tahir Abdul Manan, di dalam pilihan raya kecil ini (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Mac 1971, No. 650; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 15 April 1971, No. 987).

³³ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 ini telah memilih Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad dan Abu Bakar Hamzah sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung PAS-di samping telah turut memilih Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Mohd Taha Kalu, Yusoff Rawa, Amaluddin Darus, Abu Bakar Umar, Mohd Daud Abdul Samad, Dr Mohd Dali Muin dan Khairul Khatib sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1971/1973 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971. Hlm. 26-29). Menariknya, Hasan Adli Arshad sendiri, yang menyatakan bahawa "(beliau) telah 'lesu' benar", telah sebelumnya menyatakan pengharapan beliau agar Mohd Asri Muda, Yusoff Rawa dan Amaluddin Darus akan terpilih sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 ini (Surat Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Setiausaha Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, bertarikh 22 Mac 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 2).

³⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1971. Hlm. 3. Sewaktu menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan, 1971, Peguam Negara, Abdul Kadir Yusof, telah memberikan amaran kepada PAS bahawa "undang-undang ini ada dua dasar yang besar yang menjadi(kan) nyawa PAS dengan sendirinya tidak boleh digunakan lagi kelak, iaitu perjuangan Melayu bagi semua rakyat dan menggunakan agama Islam, (di mana) kalau digunakan juga...tindakan undang-undang yang Parti PAS bersama-sama meluluskan mestilah akan dijalankan" (Penyata Rasmi. Dewan Negara. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Pertama. Jil. I, Bil. 3, Hari Selasa, 9 Mac 1971. Ruangan 156). Sewaktu mengulas amaran Abdul Kadir Yusof ini, Mohd Asri Muda telah kemudiannya menyatakan: "Sebenarnya PAS tidak mempunyai dasar (untuk menjadikan Melayu sebagai rupa bangsa Malaysia). Tidak ada di dalam (Perlumbagaan) PAS satu kalimah pun tentang rupa bangsa Malaysia...Memang di dalam Dewan Rakyat suatu masa yang lalu pernah Abu Bakar Hamzah mengemukakan suatu usul supaya dijadikan rupa bangsa bagi negara kita ini 'Melayu'...tapi usul itu kalah dan tamatlah sudah cerita ini...". Tambah beliau lagi: "Apa yang diperjuangkan oleh PAS sekarang ini bukanlah hendak menyentuh soal ibadat, soal nikah kahwin, rujuk talak dan sebagainya (yang berada di bawah kuasa DYMM Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama), (tetapi) yang kita perjuangkan sekarang ini ialah konsep perjuangan Islam sebagai suatu dasar politik bernegara yang

keperluan perundangan, cadangan untuk meminda Perlembagaan PAS 1963 yang telah dibentangkan oleh Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 18, 19 dan 20 Jun 1971--yang khususnya membabitkan perubahan nama parti daripada "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" kepada "Parti Islam", perubahan bendera parti daripada "Allah Muhammad" kepada "bulan bintang", pengenalan "bulan bintang" sebagai lambang parti dan kemasukan dasar parti, iaitu "Islam"³⁵--ini juga dikatakan turut diasaskan kepada keperluan untuk "mempertegas lagi dasar dan tujuan parti dalam memperjuangkan ideologi Islam" di samping untuk "lebih mengemaskin susunan rumah tangga parti".³⁶

Sementara cadangan perubahan nama serta perubahan bendera dan pengenalan lambang parti itu telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia kerana dikatakan akan mengelirukan orang ramai,³⁷ penerimaannya ke atas kemasukan dasar dan

sudah tentu tidak akan menyentuh kedudukan kedaulatan DYMM Raja-Raja Melayu" ("Ekoran sidang Dewan Negara: Dato' Asri jawab Tan Sri Kadir", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 3, Jun 1971. Hlm. 7-8).

³⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971. Hlm. 30.

³⁶ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 17. Sewaktu membentangkan cadangan pindaan perlembagaan ini pula, Mohd Asri Muda telah menyatakan bahawa tujuan ia dibuat adalah untuk "menjaga (Perlembagaan PAS agar) tidak menyentuh akta perlembagaan", untuk "mewujudkan suatu sifat yang tegas dan nyata berdasarkan Islam" dan untuk "melahirkan suatu bentuk yang padu di dalam pentadbiran di masa akan datang" (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971. Hlm. 30).

³⁷ Surat Pemangku Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Kassim Mohd Amin, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 4 Ogos 1971 bertajuk "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu". Hlm. 1. Pemakaian nama "Parti Islam" dikatakan akan mengelirukan "kerana tidak dapat dipastikan sama ada parti itu sebuah Parti Islam Indonesia, Pakistan ataupun India, dan juga mungkin menimbulkan salah faham iaitu parti ini ada gabungan dengan parti-parti Islam luar negara". Penggunaan simbol bulan bintang pada lambang dan bendera PAS juga telah tidak diluluskan kerana, pertama, simbol itu dikatakan akan mengelirukan orang ramai bahawa parti itu dan Kerajaan Malaysia adalah sama kerana ia juga turut digunakan pada bendera Malaysia dan, kedua, simbol itu dikatakan akan turut mengelirukan orang ramai bahawa parti itu dan Islam adalah sama kerana penggunaannya pada masjid-masjid dan bendera-bendera negara Islam menunjukkan bahawa ia adalah lambang Islam. Penolakan penggunaan simbol bulan bintang pada lambang dan bendera PAS ini telah diikuti oleh pengemukaan Rang Undang-Undang Pilihan Raya (Pindaan), 1958, yang "bertujuan untuk membuat peruntukan yang nyata bagi memberi kuasa membuat peraturan mengenai acara meluluskan simbol dalam mana-mana pilihan raya dan bagi mengharamkan simbol-simbol yang ada kaitannya dengan mana-mana agama"

khususnya ke atas perubahan tujuan parti itu melalui pengguguran dua daripada lapan tujuan PAS sebelum ini, iaitu "mengembalikan, memperjuangkan dan memelihara hak kepentingan bangsa Melayu sebagai bumiputera"³⁸ dan "memperjuang dan melaksanakan serta memelihara kehidupan politik negara yang sihat dan adil bagi Persekutuan Tanah Melayu dan seluruh rakyatnya dengan mendaulatkan bahasa Melayu dan mempunyai kebudayaan kebangsaan yang bercorak Melayu yang tiada bertentangan dengan Islam",³⁹ juga melalui penggabungan enam tujuan lamanya menjadi dua tujuan sahaja, iaitu "memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah"⁴⁰ dan "mendokong dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara"⁴¹ telah secara teorinya menukar identiti PAS daripada sebuah parti yang sebelumnya adalah bersifat keMelayuan-keIslamam kepada bersifat lebih⁴² keIslamam.⁴³

(Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha-Setiausaha (PAS) Cawangan, Setiausaha-Setiausaha (Badan) Perhubungan (PAS Negeri), Ahli-Ahli Jawatankuasa (Kerja) Agung dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri bertarikh 27 Januari 1972 bertajuk "Akta Meminda Akta Pilihan Raya, 1958". Hlm. 2). Sewaktu mengemukakan rang undang-undang ini, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Mohamed Yaacob, telah menyatakan bahawa "eksploitasi terhadap agama"--yang disifatkan sebagai "lebih merbahaya daripada eksploitasi terhadap perkara-perkara perkauman dan perkara-perkara sensitif"--"boleh mendatangkan bahaya kepada keamanan dan keselamatan negara" (Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Pertama. Jil. I, Bil. 62, Hari Jumaat, 4 Februari 1972. Ruangan 6950-6952). Di sebalik bangkangan tiga orang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Mohd Asri Muda, Mohd Fakhruddin Abdullah dan Hashim Gera (Ibid. Jil. I, Bil. 62, Hari Jumaat, 4 Februari 1972. Ruangan 6952-6963, 6975-6981 dan 6997-6999) ke atas rang undang-undang ini, ia akhirnya tetap juga diluluskan (Ibid. Jil. I, Bil. 63, Hari Isnin, 7 Februari 1972. Ruangan 7025).

³⁸ Perlumbagaan PAS 1963. Fasal 2(1).

³⁹ Ibid. Fasal 2(6).

⁴⁰ Perlumbagaan PAS 1973. Fasal 2(2)(1).

⁴¹ Ibid. Fasal 2(2)(2).

⁴² Disebabkan dua daripada lapan tujuan PAS ini telah dikenalkan, dengan sedikit pindaan, sebagai tiga daripada usaha PAS, iaitu "mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam amalannya..." (Perlumbagaan PAS 1973. Fasal 2(3)(7)), "memperjuangkan wujudnya kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran Islam" (Ibid. Fasal 2(3)(8)) dan "memperjuangkan hak-hak dan kepentingan bangsa Melayu dan Bumiputera dalam usaha mencapai cita-cita keharmonian antara kaum dalam negara" (Ibid. Fasal 2(3)(9)), identiti PAS belumlah boleh dikatakan bersifat keIslamam semata-mata.

Setelah ia dimaklumkan tentang ketegasan Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan Perdana Menteri Malaysia di dalam menolak cadangan perubahan nama serta perubahan bendera dan pengenalan lambang parti ini walaupun setelah dirayu oleh Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah,⁴⁴ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Disember 1971 telah memutuskan supaya ia merangka semula pindaan-pindaan baru ke atas Perlembagaan PAS untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18.⁴⁵ Pindaan-pindaan baru membabitkan perubahan nama parti daripada "Persatuan Islam Se-Tanah Melayu" kepada "Parti Islam Se-Malaysia",⁴⁶ perubahan bendera parti daripada "Allah Muhammad" kepada "warna merah terletak di atas warna putih yang sama lebarnya dan di pangkalnya sebelah atas terletak satu bulatan hijau"⁴⁷ dan pengenalan "bulatan putih dengan berlatar-belakang warna hijau" sebagai lambang parti⁴⁸ yang diputuskan oleh Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1972 dan pada 24 Julai 1972⁴⁹ ini akhirnya diluluskan oleh Mesyuarat Agung

⁴³ Mohd Asri Muda sendiri telah kemudiannya menegaskan bahawa "perlembagaan baru PAS bebas dari unsur perkauman" dan bahawa "PAS sekarang berjuang sebagai alat ideologi Islam yang sesuai bagi apa juga keturunan bangsa dan dapat kita kata(kan) di sini bahawa kita sudah mulai mendapat perhatian dari kaum-kaum lain, khasnya dari saudara-saudara baru yang kian bertambah" (Wawancara Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, dengan wakil BERNAMA, Abdul Ghani Ismail, pada 15 Januari 1975, dlm. Ahmad Kamar Abdul Rahman (1984). Parti Islam Se-Malaysia Di Peringkat Negeri (Kedah) dan Di Peringkat Kawasan (Kubang Pasu): Satu Kajian Tentang Agama, Politik Dan Kepimpinan. Universiti Malaya. Hlm. 539-540)--penegasan yang kelihatan disokong oleh pendedahan Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bahawa "kedudukan PAS adalah semakin bertambah kuat selepas parti itu menjadi anggota gabungan Barisan Nasional (di mana) setiap bulan PAS menerima lebih daripada 500 orang ahli baru dari berbagai kaum" dan bahawa "ramai orang bukan Melayu yang beragama Islam telah masuk menjadi ahli PAS sejak parti itu menjadi anggota Barisan Nasional" ("Banyak orang Islam turunan Cina, India masuk PAS", dlm. Berita Harian, 9 April 1976).

⁴⁴ Pertemuan Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia ini telah dilangsungkan pada 16 Disember 1971 manakala pertemuan Mohd Asri Muda dengan Perdana Menteri Małaysia telah tidak dinyatakan tarikhnya (Penyata Tahunan PAS 1971/1972. Hlm. 3).

⁴⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Disember 1971. Hlm. 1-2.

⁴⁶ Perlembagaan PAS 1973. Fasal 1.

⁴⁷ Ibid. Fasal 34.

⁴⁸ Ibid. Fasal 35.

⁴⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1972. Hlm. 2; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Julai 1972. Hlm. 4.

Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972,⁵⁰ juga oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 24 Februari 1973,⁵¹ sekaligus memansuhkan identiti PAS sebelum ini.

Anjuran Pembentukan Kerajaan Campuran

Sejurus sebelum berlakunya penukaran identiti PAS ini, Mohd Asri Muda masih lagi menampakkan sifat nasionalis beliau dengan mempelopori, pada 20 Julai 1969, sokongan PAS kepada usaha-usaha untuk memperbaiki kedudukan orang-orang Melayu oleh Kerajaan Perikatan setelah berlalunya Peristiwa 13 Mei,⁵² juga dengan menyeru, pada 5 Ogos 1970, orang-orang Melayu supaya bersatu-padu bagi memastikan bukan sahaja kedaulatan bangsa dan agama mereka dapat dipertahankan, tetapi juga bagi memastikan tumpuk pemerintahan negara ini tidak jatuh ke tangan bangsa lain.⁵³ Beliau juga telah, pada 12 Disember 1970, menyambut baik saranan Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar,⁵⁴ Abdul Samad Idris, sehari sebelumnya agar Perikatan dan PAS membentuk kerajaan campuran di Kelantan dan Terengganu demi

⁵⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 12-14.

⁵¹ "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 2 Thn. 1, Februari 1973. Hlm. 9; Surat Setiausaha Kerja PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri, Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Pemuda dan Muslimat PAS Negeri dan Setiausaha-Setiausaha PAS Kawasan bertarikh 5 Mac 1973 bertajuk "Penundaan Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-19 Dan Perlembagaan Baru PAS". Hlm. 1; dan Perlembagaan PAS 1977. Hlm. iii.

⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969. Hlm. 2 dan 3. Mengikut Jerome Ronald Bass: "*Contributing to the (PMIP)'s reluctance to oppose the Alliance's post-May 13 policies) was the cumulative impression that the measures taken by the government represented a determined attempt to assure Malay political supremacy while bridging the socio-economic gap between the Malay and non-Malay communities*" (Jerome Ronald Bass (1973). Malaysian Politics, 1968-1970: Crisis and Response. University of California, Berkeley. Hlm. 454).

⁵³ Syarikat Dian Sendirian Berhad (1971). Peristiwa-Peristiwa Malaysia 1970. Kota Bharu: Syarikat Dian Sendirian Berhad. Hlm. 63.

⁵⁴ Istilah "Menteri Muda" telah kemudian ditukarkan kepada istilah "Timbalan Menteri" oleh Fasal 10 Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971 (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Mac 1971, Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971).

kepentingan orang-orang Melayu di kedua-dua negeri itu⁵⁵ dengan menyatakan bahawa PAS sedia mengkajinya "dengan cara yang bersungguh-sungguh" sekiranya ia dikemukakan oleh "pihak-pihak yang bertanggungjawab di dalam Perikatan".⁵⁶ Saranan ini walau bagaimanapun lenyap begitu sahaja apakala ia mendapat bangkangan daripada Menteri Besar Terengganu, Mahmood Sulaiman, dan Presiden MCA, Tan Siew Sin.⁵⁷

Walau bagaimanapun, setelah demokrasi berparlimen di negara ini dipulihkan, khususnya tatkala cadangan pindaan Perlembagaan PAS mula dikemukakan, Mohd Asri Muda kelihatan telah cuba menanggalkan jiwa nasionalis beliau dengan menyifatkan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru sebagai tidak berkemampuan untuk menghapuskan masalah pertentangan kaum di negara ini,⁵⁸ tetapi bahawa hanya dengan konsep Islamlah negara ini akan lebih terselamat dan terpelihara buat selama-lamanya.⁵⁹

⁵⁵ Syarikat Dian Sendirian Berhad (1971). Peristiwa-Peristiwa Malaysia 1970. Kota Bharu: Syarikat Dian Sendirian Berhad. Hlm. 110. Abdul Samad Idris walau bagaimanapun dilaporkan berbuat demikian "atas namanya sendiri".

⁵⁶ Ibid. Hlm. 110. Akibat daripada penyiaran kenyataan beliau pada 13 Disember 1970 ini, Mohd Asri Muda telah terpaksa memberi penjelasan mengenainya kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 31 Disember 1970 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 31 Disember 1970. Hlm. 5). Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS sebelumnya pula, beliau telah, sewaktu ditanya oleh Mohd Noor Yusof mengenai keuntungan yang diperolehi oleh PAS daripada hubungan rapat yang dijalankan oleh para pemimpinnya dengan pemimpin Perikatan di dalam tempoh darurat ini, menyatakan: "Apa yang sebenarnya (berlaku) ialah bahawa kita (hanya) mengubah taktik sa(ha)ja, dari sikap menyerang kepada tidak menyerang (dan) dari sikap tidak mahu berunding kepada mahu berunding" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 September 1970. Hlm. 3).

⁵⁷ Syarikat Dian Sendirian Berhad (1971). Peristiwa-Peristiwa Malaysia 1970. Kota Bharu: Syarikat Dian Sendirian Berhad. Hlm. 110 dan 111.

⁵⁸ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 10. Mohd Asri Muda walau bagaimanapun tidaklah terlalu mengecam Rukun Negara yang masih beliau anggap sebagai sesuatu yang wajar di samping turut mengakui bahawa asas untuk melenyapkan kemiskinan dan mewujudkan masyarakat yang seimbang di dalam Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang baik dan amat patut mendapat sokongan walaupun beliau meragui yang matlamatnya akan dapat dicapai (Ibid. Hlm. 7-10).

⁵⁹ Ibid. Hlm. 2. Tegas Mohd Asri Muda: "Perjuangan PAS ke arah perpaduan yang hakiki adalah tegas, iaitu melalui kaedah yang pernah berulang kali berlaku dalam sejarah. Itulah dia perpaduan yang berlandaskan kepada penyatuan aqidah bagi seluruh Muslim dan semangat toleransi di antara golongan rakyat yang dapat menerima pandangan hidup Islam. PAS meyakini bahawa dengan dakwah dan penyiaran Islam yang bersungguh-sungguh sebagai agama rasional, ianya dapat diterima oleh

Menjelaskan lagi cubaan beliau menulenkan ideologi keIslam yang menjadi pegangan PAS, sekaligus menjarakkan lagi PAS daripada Perikatan, khususnya UMNO, ialah penegasan beliau bahawa, di sebalik memperjuangkan pembentukan bangsa Malaysia yang berteraskan bangsa Melayu, PAS kini mahu melihat bangsa Malaysia dikenal sebagai satu bangsa yang mempunyai pandangan hidup Islam.⁶⁰ Turut signifikan adalah keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1971 untuk menerima ingatan dari Dewan Ulama' PAS Pusat supaya ia tidak lagi meninggal dan membelakangkan dewan itu dari ikut bersama-sama memberi pendapat dalam perkara-perkara penting berkenaan dasar yang akan dilaksana atau diperjuangkan oleh PAS.⁶¹

Di sebalik cubaan menulenkan ideologi keIslam yang menjadi pegangan PAS ini, pengumuman pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-GRM di Pulau Pinang pada 13 Februari 1972,⁶² yang diikuti dengan pengumuman pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PPP di Perak pada 15 April 1972,⁶³ yang ditambah pula dengan

masyarakat Malaysia. Dengan ini perpaduan yang abadi akan tercapai, apa lagi Islam sebagai agama negara dapat dijadikan tapak pelancaran ke arah matlamat yang tersebut" (Ibid. Hlm. 10).

⁶⁰ Ibid. Hlm. 11. Mohd Asri Muda walau bagaimanapun turut menjelaskan: "Tentu sahaja pencapaian cita-cita ini bukan dengan cara paksaan, tekanan atau lain-lain cara yang tidak adil, tetapi dengan penerimaan oleh semua golongan kaum berdasarkan pengertian dan keyakinan tentang kebaikan kebudayaan Islam dan sivilisasi Islam itu sendiri. Ini adalah sesuai dengan iklim sejarah negara ini".

⁶¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1971. Hlm. 2. Selain daripada perkara-perkara yang menyentuh dasar PAS, Dewan Ulama' PAS Pusat juga mahukan ia dirujuk di dalam perkara-perkara yang "menyentuh akan kehormatan PAS dan ahli-ahlinya dan (di) dalam perkara-perkara yang langsung berhubung dengan hukum-hukum Islam". Ingatan ini asalnya merupakan ketetapan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat pada 18 Jun 1971 yang "dihaluskan lagi oleh Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat) pada 29 Julai 1971" (Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, kepada Pemangku Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 5 Ogos 1971 bertajuk "Keputusan-Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' (PAS Pusat)". Hlm. 1).

⁶² Diane Kathleen Mauzy (1978). Consonciation and Coalition-Building in Malaysia. The University of British Columbia. Hlm. 207. Mengikut Diane Kathleen Mauzy, pengumuman ini menjelaskan bahawa "*the agreement in principle on an (Alliance-GRM) coalition government in Penang (was) for the life of the present assembly (only)*".

⁶³ Ibid. Hlm. 217. Mengikut Diane Kathleen Mauzy, pengumuman ini menjelaskan bahawa "*(the Alliance-PPP coalition government) was for the current term of the Perak State Government only*".

anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan oleh Abdul Ghafar Baba, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pada 29 April 1972,⁶⁴ mula membuka dimensi baru kepada kemungkinan pembentukan kerajaan campuran ini. Disebabkan Mohd Asri Muda, selaku Yang Dipertua Agung PAS, berada di Thailand, sementara Hasan Adli Arshad, selaku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, mengalami keuzuran tatkala anjuran ini dibuat, Abu Bakar Hamzah, selaku Setiausaha Agung PAS, telah, pada 30 April 1972, mengambil-alih tugas memberikan reaksi PAS kepadanya.⁶⁵ Selain menegaskan bahawa anjuran rasmi mengenainya belum lagi wujud, beliau telah menjelaskan bahawa, menimbangkan kepentingan negara pada masa itu, pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan bukanlah suatu perkara yang mustahil sekiranya ia dilakukan dengan cara yang tidak akan merugikan kedua-dua belah pihak.⁶⁶

Di sebalik reaksi positif beliau kepada saranan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang dikemukakan oleh Abdul Samad Idris pada 11 Disember 1970, malah yang dikemukakan oleh Abdul Ghafar Baba pada 29 April 1972 sekalipun,⁶⁷ Mohd Asri Muda, sewaktu membincangkan anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan ini di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan

⁶⁴ "Apakah dia kerajaan campuran?", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3, September 1972. Hlm. 4, 5 dan 7; dan Siaran Khas Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 25 Oktober 1972 bertajuk "Gara-Gara Kerajaan Campuran". Hlm. 1. Abdul Ghafar Baba walaupun bagaimanapun telah kemudiannya dilapor menafikan bahawa beliau pernah menganjurkan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan ini ("Campuran di Kelantan: Pusat tidak pernah cadang", dlm. Utusan Malaysia, 4 Mei 1972).

⁶⁵ "Apakah dia kerajaan campuran?", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3, September 1972. Hlm. 4, 5 dan 7; dan Siaran Khas Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 25 Oktober 1972 bertajuk "Gara-Gara Kerajaan Campuran". Hlm. 2-3.

⁶⁶ "Apakah dia kerajaan campuran?", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3, September 1972. Hlm. 4, 5 dan 7; dan Siaran Khas Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 25 Oktober 1972 bertajuk "Gara-Gara Kerajaan Campuran". Hlm. 3.

⁶⁷ Sekembalinya beliau ke tanah air dari lawatan beliau ke Thailand, Mohd Asri Muda telah dilapor sebagai berkata: "Saya bersedia menghadapi persoalan itu sebagai satu kenyataan pada bila-bila masa sahaja untuk sebarang perundingan apabila pihak pemimpin-pemimpin Perikatan mengemukakannya

pada 30 Mei 1972, masih lagi kelihatan tidak terlalu tertarik dengan anjuran ini.⁶⁸

Sementara menyatakan bahawa pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di peringkat Persekutuan boleh dipertimbangkan oleh PAS sekiranya ia memenuhi asas-asas yang tertentu,⁶⁹ beliau menyifatkan "Kerajaan Campuran (Perikatan-PAS) tidak mustahak diwujudkan di Kelantan" kerana "keadaan di Kelantan adalah berlainan dari keadaan di Pulau Pinang dan Perak".⁷⁰ Di sebalik gesaan Wan Ismail Ibrahim, seorang ahli yang dilantik, supaya persoalan ini dikaji dengan mendalam dengan mengambil-kira apa yang telah menimpa parti-parti Islam di tempat-tempat lain akibat kesilapan percaturan politik mereka,⁷¹ mesyuarat ini telah tidak membuat apa-apa keputusan mengenai anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan ini.⁷²

secara rasmi, baik secara terbuka atau secara tertutup" ("Campuran: Asri sedia berunding dengan Perikatan", dlm. Utusan Malaysia, 4 Mei 1972).

⁶⁸ Sekiranya kenyataan Wan Ismail Ibrahim bahawa "perbincangan (untuk mewujudkan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS) itu bermula sebelum lagi (pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-SUPP) dilakukan di Sarawak, sebelum lagi (pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-GRM dilakukan) di Pulau Pinang (dan sebelum lagi pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PPP dilakukan di Perak)" tetapi bahawa pembentukannya dikemudiankan bagi mengelakkan kebimbangan orang-orang bukan Melayu yang mungkin akan melihatnya sebagai satu usaha orang-orang Melayu "*clamouring to be together to be strong*" (Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999) terbukti benar, maka ketidaktertarikan Mohd Asri Muda dengan anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan ini bolehlah dianggap sebagai satu taktik beliau di dalam menghadapi ahli-ahli PAS sahaja.

⁶⁹ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Mei 1972. Hlm. 6.

⁷⁰ Ibid. Hlm. 6. Sewaktu berceramah di Bagan Serai, Perak, pada 27 Mei 1972 pula, Mohd Asri Muda telah dilapor menyatakan ketidaksediaan PAS untuk membentuk kerajaan campuran dengan Perikatan di Kelantan kerana "*(PAS) ha(d) an absolute majority in the state government and there (wa)s no possibility of it being toppled*" dan kerana "*even if Kelantan did not form a coalition government with the Alliance, he was sure that the central government would not curtail or stop development projects in his state*" ("Why Asri doesn't want a coalition with Alliance", dlm. Straits Times, 29 Mei 1972). Beliau walau bagaimanapun turut dilapor menyatakan: "*However, future events could cause changes in the thinking of politicians or political parties*" (Ibid.).

⁷¹ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Mei 1972. Hlm. 6.

⁷² Ibid. Hlm. 6. Mohd Asri Muda walau bagaimanapun turut, semasa menafikan kenyataan "Menteri-Menteri Kerajaan Pusat" bahawa wujudnya kerajaan campuran di Pulau Pinang, Perak dan Sarawak itu menandakan bahawa dasar Perikatan telah diterima oleh parti-parti pembangkang, menyatakan bahawa "dalam kerajaan campuran, setiap parti yang menjadi anggota (di) dalamnya tetap mempunyai identitinya sendiri" (Ibid. Hlm. 5-6).

Pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan ini walau bagaimanapun mula mendapat perhatian yang lebih serius daripada para pemimpin PAS, tetapi juga daripada para pemimpin UMNO, apabila anjuran mengenainya telah diungkapkan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia, Abdul Razak Hussein--yang turut merupakan Presiden UMNO merangkap Pengerusi Perikatan--di dalam satu ucapan bertaraf rasmi yang telah dibuat oleh beliau, iaitu ucapan dasar beliau pada Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada 24 dan 25 Jun 1972. Setelah membuat penjelasan umum mengenai keperluan untuk memperluaskan lagi konsep kerajaan campuran seperti yang telah dilaksanakan di Sarawak, Pulau Pinang dan Perak bagi membolehkan tercapainya perpaduan yang benar-benar bulat di dalam negara ini, juga mengenai kesediaan UMNO dan Perikatan untuk bekerjasama dengan mana-mana sahaja parti pembangkang yang sudi bekerjasama dengannya, beliau bukan setakat menegaskan bahawa beliau tidak menolak sebarang usaha ke arah pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan "demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat", malah turut membayangkan kesediaan beliau untuk memperluaskan lagi pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu ke negeri-negeri kurang maju lainnya, khususnya ke Terengganu dan Kedah.⁷³

Reaksi awal ke atas kenyataan Abdul Razak Hussein ini telah sekali lagi dibuat oleh Abu Bakar Hamzah yang telah dilapor menyatakan kesediaan PAS untuk mempertimbangkan anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu

⁷³ Teks ucapan dasar Presiden UMNO, Abdul Razak Hussein, di dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada 24 dan 25 Jun 1972 bertajuk "Ke Arah Pengukuhan Negara", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 112; "Apakah dia kerajaan campuran?", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3, September 1972. Hlm. 4, 5 dan 7; dan Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 (tidak bertajuk). Hlm. 4-5. Sewaktu berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan UMNO Melaka sebelumnya, Abdul Razak Hussein juga telah dilapor menyatakan bahawa "Perikatan tidak menolak sebarang usaha untuk membentuk kerajaan campuran di Kelantan asalkan PAS menyokong dasar Kerajaan Perikatan untuk memberi sebenar faedah kepada rakyat, khasnya orang-

sekiranya ia dianggap penting untuk keselamatan negara, sekiranya tiada jalan lain lagi yang boleh dibuat untuk kemajuan negara, sekiranya ia dapat menstabilkan dasar luar negara dan sekiranya ia menyama-tarafkan kedua-dua belah pihak yang bercampur itu.⁷⁴ Membuktikan keseriusan PAS terhadap anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini, Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972 yang turut dihadiri oleh Mohd Asri Muda telah menjadikan anjuran ini sebagai salah satu agenda utamanya dengan Ishak Lotfi Omar, selaku pesuruhjaya,⁷⁵ telah membentangkan sebuah kertas kerja bertajuk "Kerajaan Campuran Di Antara PAS Dan Perikatan"⁷⁶--yang di antara lainnya menyifatkan reaksi Abu Bakar Hamzah sebagai suatu reaksi yang tepat dan bijaksana⁷⁷ di samping turut menyifatkan asas-asas yang diberikan oleh beliau bagi mewajarkan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini sebagai tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip perjuangan PAS⁷⁸--di dalamnya.

orang Melayu" ("Campuran di Kelantan: Perikatan tak tolak (Asalkan PAS sokong dasar Kerajaan Pusat--Tun)", dlm. Mingguan Malaysia, 14 Mei 1972).

⁷⁴ Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 22 Julai 1972 bertajuk "Kertas Kerja Bil. 7/72: Kerajaan Campuran Di Antara PAS Dan Perikatan". Hlm. 1.

⁷⁵ Perlantikan Ishak Lotfi Omar sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan telah dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971. Hlm. 2). Beliau kekal memegang jawatan ini melalui perlantikan semula beliau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Okt. 1973 ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 10 Thn. 1, Okt. 1973. Hlm. 9) sehingga beliau digantikan oleh Mohd Asri Muda yang telah dilantik untuk mengambil-alih jawatan ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1975 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1975. Hlm. 2). Penggantian beliau sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 17 Ogos 1975 ini walau bagaimanapun telah diimbangi oleh perlantikan beliau sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada tarikh yang sama (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 17 Ogos 1975. Hlm. 2). Perlantikan ini walau bagaimanapun telah ditolak oleh beliau di dalam surat beliau kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 27 Okt. 1975 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Nov. 1975. Hlm. 1).

⁷⁶ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972. Hlm. 5.

⁷⁷ Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 22 Julai 1972 bertajuk "Kertas Kerja Bil. 7/72: Kerajaan Campuran Di Antara PAS Dan Perikatan". Hlm. 2. Jelas Ishak Lotfi Omar: "Sudahlah nyata bahawa suara Presiden UMNO itu telah disambut oleh Setiausaha Agung kita. Kita tidak mesti tahu adakah sambutan itu telah menjadi suatu keputusan di peringkat Jawatankuasa (Kerja) Agung ataupun (dibuat di atas) sifat (peribadi) beliau sebagai Setiausaha Agung...Dalam apa-apa hal pun, saya beranggapan bahawa beliau telah melakukan sesuatu yang tepat mengikut tugas-tugasnya yang betul dan beliau telah bertindak dengan bijaksana".

Setelah kertas kerja Ishak Lotfi Omar--yang dikatakan bertujuan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan di antara ahli-ahli PAS sewaktu membahaskan masalah pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang akan disuarakan oleh Mohd Asri Muda di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18⁷⁹--ini dibincangkan, Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan ini akhirnya menyetujui rumusan yang telah dikemukakan oleh beliau, iaitu bahawa badan itu menerima pada dasarnya pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat dan bahawa ia menyerahkan kepada kebijaksanaan Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk merundingi perkara ini dengan pihak yang berkenaan dengan syarat ia tidak akan mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS.⁸⁰ Di dalam satu tindakan yang menunjukkan keseriusan badan itu untuk merealisasikan anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat ini, mesyuarat ini juga telah mengarahkan wakil Bachok mengemukakan rumusannya itu sebagai suatu usul sewaktu membahaskan ucapan dasar Mohd Asri Muda selain turut mengarahkan semua perwakilan PAS Kelantan menyokong usul ini di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18.⁸¹

Kelegitimasian Perundingan Kerajaan Campuran

Bersetujuan dengan hasrat untuk merealisasikan anjuran pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini, sebahagian besar daripada kandungan ucapan dasar Mohd

⁷⁸ Ibid. Hlm. 2.

⁷⁹ Ibid. Hlm. 2. Tambah Ishak Lotfi Omar di dalam kertas kerja beliau itu: "Saya bimbang usul mengenai kerajaan campuran ini akan diterima ataupun ditolak dengan suatu pengkajian yang ringkas dan tergesa-gesa...Kalau kita menerima atau menolak dengan alasan dan dasar yang tidak bertanggungjawab, iaitu berdasarkan sentimen parti atau peribadi, maka tunggulah saat kehancuran(nya)" (Ibid. Hlm. 2).

⁸⁰ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972. Hlm. 5.

⁸¹ Ibid. Hlm. 5.

Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 28 dan 29 Julai 1972,⁸² yang telah dibentangkan oleh beliau di dalam, dan diluluskan oleh, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Julai 1972,⁸³ adalah diperuntukkan untuk mengulas ucapan dasar Abdul Razak Hussein di dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 itu. Menyifatkannya sebagai suatu kenyataan yang serius,⁸⁴ beliau telah, setelah menjelaskan kesukaran PAS untuk melaksanakan dasar parti itu di Kelantan kerana kedudukannya sebagai sebuah kerajaan

⁸² Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 ini mulanya telah dicadang untuk dilangsungkan "dalam masa cuti penggal (per)sekolah(an), iaitu kira-kira pada 8-15 April 1972" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Disember 1971. Hlm. 2), tetapi tarikh ini telah kemudiannya diubah kepada 26 dan 27 Julai 1972 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1972. Hlm. 2) sebelum sekali lagi diubah kepada 28 dan 29 Julai 1972 (Ibid. Hlm. 2). Menyumbang kepada pindaan tarikh ini ialah hakikat bahawa PAS terpaksa menghadapi tiga pilihan raya kecil, iaitu di Tumpat Barat pada 26 Februari 1972, di Lipis pada 8 April 1972 dan di Rembau-Tampin pada 8 Julai 1972, di dalam tempoh ini. Sebelumnya, PAS juga telah terpaksa menghadapi empat pilihan raya kecil, iaitu di Yan-Merbok pada 22 Mei 1971, di Batu Rakit pada 21 Ogos 1971, di Sidam pada 28 Ogos 1971 dan di Muda pada 11 Disember 1971. Kesemua calon PAS, melainkan Che Ismail Che Ali di Tumpat Barat yang berjaya mempertahankan kerusi milik partinya itu dengan majoriti sebanyak hanya 457 undi (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 3 Februari 1972, No. 34; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 30 Mac 1972, No. 118) berbanding majoriti sebanyak 827 undi yang diperolehi oleh Wan Salleh @ Wan Abdullah Alimi Wan Sulaiman di dalam Pilihan Raya Umum 1969 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 74), telah dikalahkan dengan majoriti yang lebih besar di dalam pilihan raya-pilihan raya kecil ini, iaitu 3,846 undi di Yan-Merbok (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 13 Mei 1971, No. 158; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 10 Jun 1971, No. 188), 2,753 undi di Batu Rakit (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 12 Ogos 1971, No. 276; dan Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 2 September 1971, No. 289), 2,278 undi di Sidam (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 19 Ogos 1971, No. 276; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 16 September 1971, No. 302), 2,434 undi di Muda (Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 3 Disember 1971, No. 286; dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 20 Januari 1972, No. 34), 12,097 undi di Lipis (Warta Kerajaan Persekutuan, 30 Mac 1972, No. 1177; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 20 April 1972, No. 1347) dan 9,210 undi di Rembau-Tampin (Warta Kerajaan Persekutuan, 29 Jun 1972, No. 2297; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 20 Julai 1972, No. 2648), berbanding majoriti yang diperolehi oleh calon-calon lawannya di dalam Pilihan Raya Umum 1969, iaitu 3,247 undi di Yan-Merbok, 854 undi di Batu Rakit, 1,526 undi di Sidam, 709 undi di Muda, 8,166 undi di Lipis dan MTB di Rembau-Tampin (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 59, 61, 73, 74, 79 dan 84).

⁸³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Julai 1972, Hlm. 4. Turut menyumbang kepada kandungan ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 ini ialah ingatan Hasan Adli Arshad kepada Mohd Asri Muda bahawa "pelawaan Tun itu...boleh jadi juga satu perangkap, iaitu apabila pihak kita melenting-lenting menjawab tidak ingin, maka pada masa itu mereka akan melakukan langkah-langkah (*terror*) yang drastik terhadap kita dengan alasan bahawa kita benar-benar musuh perpaduan nasional" dan bahawa "saya setuju saudara tekankan kuatkuat (di dalam ucapan dasar saudara itu) tentang perlunya satu solidariti orang-orang Melayu untuk menghadapi gelora politik masa depan negeri ini" (Surat Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda bertarikh 11 Julai 1972 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

negeri yang dikatakan mempunyai kuasa yang terbatas berbanding dengan kerajaan pusat yang dikatakan mempunyai kuasa politik yang luas,⁸⁵ menghuraikan persoalan sama ada Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu akan dapat memberikan sumbangan untuk mengatasi "masalah keselamatan dan pembangunan" yang sedang dan akan dihadapi oleh bangsa dan negara,⁸⁶ juga persoalan sejauh mana cita-cita Islam yang diperjuangkan oleh PAS akan dapat diterapkan ke dalam masyarakat menerusi kerajaan campuran itu.⁸⁷

Bagi menjawab persoalan pertama, Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dikatakan akan dapat memberikan sumbangan untuk mengatasi "masalah keselamatan dan pembangunan" kerana, mengikut Mohd Asri Muda, kesedaran nasional yang menyeluruh dan solidariti yang mendalam dari segenap lapisan rakyat adalah amat diperlukan bagi membolehkan Malaysia menghadapi ancaman keselamatan yang lebih serius dari pihak komunis--khususnya setelah tentera Amerika Syarikat diundurkan dari Vietnam--yang dikatakan akan membantutkan usaha-usaha pembangunan negara di masa hadapan.⁸⁸

⁸⁴ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 (tidak bertajuk). Hlm. 5.

⁸⁵ Ibid. Hlm. 4.

⁸⁶ Ibid. Hlm. 5.

⁸⁷ Ibid. Hlm. 5.

⁸⁸ Ibid. Hlm. 5-7. Hakikat bahawa kenyataan-kenyataan Mohd Asri Muda yang lain telah dengan secara konsistennya menyebutkan bahawa, selain didorong oleh hasrat untuk mengislamisasikan sistem pemerintahan negara ini, pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini adalah didorong oleh hasrat untuk menyatu dan memajukan orang-orang Melayu di negara ini, juga hakikat bahawa kenyataan beliau mengenai kepentingan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS terhadap usaha untuk menghadapi ancaman keselamatan dari pihak komunis ini dibuat oleh beliau sebelum perundingan-perundingan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu sendiri dilangsungkan oleh para pemimpin PAS dan UMNO, walau bagaimanapun menunjukkan bahawa kenyataan beliau ini bolehlah dianggap sebagai satu taktik beliau di dalam menghadapi ahli-ahli PAS sahaja. Paling jelas daripada kenyataan-kenyataan beliau yang lain ini adalah kenyataan beliau yang berbunyi: "Perkara PAS dalam kerajaan campuran ini mempunyai dua, iaitu peranan yang pertama, secara langsung dan secara tidak langsung, menegakkan skru-skru bagi menegakkan kedudukan bumiputera dan bangsa Melayu di tengah-tengah gelanggang politik tanah air kita di segenap bidang, baik ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan khususnya kekuatan politik... (Perikatan) telah mempunyai kekuatan suara dalam Dewan Rakyat, mereka tidak bimbang akan digulingkan sebab suara mereka telah cukup, dari segi suara dalam Dewan Rakyat, tetapi, dari segi penyelesaian masalah, mereka tidak mempunyai kemampuan yang mencukupi sebab masalah yang nak diselesaikan ini bukan masalah UMNO, bukan

Bagi menjawab persoalan kedua, Kerajaan Campuran Perikatan-PAS juga dikatakan-- selain tidak akan menenggelamkan keperibadian dan dasar perjuangan PAS⁸⁹--akan membolehkan PAS mengemukakan acuan pembangunannya sendiri bagi membentuk bangsa Malaysia yang berteraskan suatu bangsa yang mempunyai pandangan hidup Islam.⁹⁰ Setelah menegaskan bahawa PAS tidak akan sama sekali bergabung dengan UMNO atau berikat dengan Perikatan sebagai satu parti disebabkan perbezaan pegangan yang asasi di dalam perjuangannya,⁹¹ beliau pun menyimpulkan bahawa suatu susunan kerajaan campuran yang meliputi seluruh peringkat dengan itu dapatlah dirundingkan.⁹²

Sebelum para perwakilan diberikan peluang untuk membahaskan ucapan dasar beliau,⁹³ Mohd Asri Muda telah sekali lagi diberikan peluang oleh Pengerusi Tetap PAS

masalah Perikatan, tetapi masalah bangsa Melayu sendiri, masalah bumiputera sendiri, dengan sebab itu kerajaan campuran ditubuhkan. Mereka bersetuju inilah asas mereka dan PAS bersetuju inilah asas kita, tetapi, bagi PAS, dalam amanat yang kita pikul di dalam berjalan di atas landasan yang kita persetujui bersama ini, kita mempunyai nawaitu kita sendiri, nawaitu kita ialah nawaitu bersetia dalam kerajaan campuran untuk menerapkan pengajaran-pengajaran Islam seberapa banyak yang boleh ke dalam masyarakat atau negara *lillahita'ala*, inilah nawaitu kita. Jadi, berdasarkan nawaitu dan berdasarkan fakta-fakta yang sedang wujud yang menyelubungi kedudukan bumiputera bangsa Melayu di negara ini, kita terjun bersama-sama dalam sebuah kerajaan campuran dengan restu yang diberikan oleh kongres kita, maka sekarang tertubuhlah kerajaan campuran" (Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam majlis ceramah khas Yang Dipertua Agung PAS anjuran Dewan Muslimat PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada awal tahun 1974 (tidak bertajuk)).

⁸⁹ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 (tidak bertajuk). Hlm. 9.

⁹⁰ Ibid. Hlm. 7-9.

⁹¹ Ibid. Hlm. 9.

⁹² Ibid. Hlm. 9.

⁹³ Untuk "melicinkan dan menyegerakan jalannya Mesyuarat Agung", juga untuk "membolehkan (ia) membuat persiapan bagi jawapan-jawapan dengan cara yang agak lebih *detail* lagi", Pejabat Agung PAS telah buat pertama kalinya meminta para perwakilan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan bertulis kepada Jawatankuasa Penerangan PAS Pusat, Jawatankuasa Kewangan PAS Pusat, Yang Dipertua Agung dan Setiausaha Agung PAS (Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 27 Jun 1972 bertajuk "Pertanyaan-Pertanyaan Di Dalam Kongres Ke-18". Hlm. 1). Di antara pertanyaan-pertanyaan bertulis yang dikemukakan oleh para perwakilan adalah pertanyaan wakil Kangkung Bukit Raya yang menyatakan "adakah Dato' Yang Dipertua Agung sedar bahawa Ahli-Ahli Parlimen PAS di Dewan Rakyat tidak mengambil bahagian yang cergas dalam perdebatan dan persoalan di Dewan Rakyat yang mengakibatkan jatuhnya nilai parti di negara ini, jika sedar, apakah satu langkah yang akan diambil bagi memperbaiki perkara tersebut?"

untuk memberikan penjelasan mengenai cadangan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang beliau utarakan di dalam ucapan dasar beliau sebelumnya.⁹⁴ Menggunakan kesempatan ini dengan sepenuhnya, Mohd Asri Muda telah menyeru para perwakilan untuk mengetepikan sentimen dan prejedis mereka sewaktu membicarakan isu kerajaan campuran ini kerana, mengikut kepercayaan beliau, pembentukannya "adalah untuk kebaikan PAS".⁹⁵ Tambah beliau lagi: "Sekali pandang, Jawatankuasa (Kerja) Agung berkehendakkan kepada kerajaan campuran" kerana "kita memandang kepada keselamatan dari ancaman komunis yang sedang dan akan berkembang" dan kerana "(cara) Perikatan berfikir adalah seperti (cara) PAS berfikir".⁹⁶ Sambil menegaskan bahawa maksud Jawatankuasa Kerja Agung PAS adalah untuk mengadakan suatu perundingan dengan pihak Perikatan, beliau telah meminta mandat daripada para perwakilan dengan mengingatkan mereka bahawa, mengikut Perlembagaan PAS 1963, ia adalah sebenarnya dibenarkan untuk berbuat demikian tanpa perlu meminta mandat itu.⁹⁷

(Siaran Khas Pejabat Agung bertarikh 27 September 1972 bertajuk "Pertanyaan-Pertanyaan Ke Dalam Kongres PAS (18) 1972 Pada 28 Dan 29 Julai 1972". Hlm. 4), yang dijawab oleh Mohd Asri Muda dengan menyatakan bahawa "perkara ini kadang kala berlaku dan orang-orang untuk mengatasinya adalah dalam perlaksanaan" (Ibid. Hlm. 4); pertanyaan wakil Bagan Serai yang, setelah menyatakan "Yang Dipertua Agung dan Ketua-Ketua Dewan di dalam kata pendahuluan (mereka) pada Kongres PAS yang lalu secara terus terang mengakui kelemahan dan kebekuan-kebekuan (PAS) di banyak tempat dan hal ini juga pernah dinyatakan pada 27 Mei 1972 yang lalu di Bagan Serai oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS sendiri", menyoal "apakah perkara ini sudah selesai dijalankan?" (Ibid. Hlm. 8), yang dijawab oleh Abu Bakar Hamzah dengan menyatakan bahawa "masih dalam usaha bagi mengatasi kelemahan-kelemahan itu" (Ibid. Hlm. 10); dan pertanyaan wakil Kinta Ipoh yang menyoal "setujukah Saudara Yang Dipertua Agung bahawa Islam itu ialah parti kesejahteraan, tidak golonganisme, tidak daerahisme, tidak rasisme, jika setuju, apakah langkah ke dalam dan ke luar yang telah, sedang dan akan dijalankan?" (Ibid. Hlm. 13), yang walau bagaimanapun tidak dijawab oleh Mohd Asri Muda yang sekadar menyatakan bahawa "soalan ini kurang jelas" (Ibid. Hlm. 13).

⁹⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 14.

⁹⁵ Ibid. Hlm. 14.

⁹⁶ Ibid. Hlm. 14.

⁹⁷ Ibid. Hlm. 14. Selain menyatakan bahawa pemberian mandat ini perlu dilakukan kerana "perkara ini menyentuh sentimen", Mohd Asri Muda juga telah memberikan jaminan bahawa "dalam perundingan itu nanti apakah bentuk-bentuk yang patut dibuat bukanlah mengikut dasar Perikatan, tentulah tidak".

Sebaik sahaja sesi perbahasan ucapan dasar dibuka,⁹⁸ wakil Melaka Barat terus mengemukakan satu usul bagi memberi mandat kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengadakan perundingan berkenaan sekiranya ia diperlukan,⁹⁹ tetapi--sebagaimana yang dirancangkan sebelumnya oleh Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan¹⁰⁰--usul ini telah dipinda oleh wakil Bachok menjadi memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengadakan perundingan mengenai pembentukan kerajaan campuran di semua peringkat dengan syarat bahawa ia tidak akan mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS, tetapi bahawa hasil perundingan itu akan dikemukakan kepada suatu mesyuarat agung.¹⁰¹ Perbahasan ke atas usul ini kelihatan seimbang tatkala--selain wakil-wakil Melaka Barat, Bachok dan Kota Bharu yang mengemuka dan menyokongnya, juga wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat dan Arau Kurung Anai yang membangkang dan menyokong bangkangan ini--4 perwakilan, iaitu wakil-wakil Sabak Bernam, Kuala Langat, Arau Kurung Anai dan Kampong Gajah, telah berhujjah membangkangnya¹⁰²

⁹⁸ Sebelum perbahasan dibuka, para perwakilan telah diberikan kesempatan untuk mengemukakan "pertanyaan dan kemosykilan mereka" di mana kesempatan ini telah dipergunakan oleh 12 perwakilan untuk mengemukakan beberapa soalan, di antaranya ialah soalan yang menanyakan sama ada hasrat untuk berunding itu timbul disebabkan "PAS Kelantan di dalam kelemahan", yang dijawab oleh Mohd Asri Muda dengan menyatakan bahawa "Kerajaan PAS (Kelantan) kuat tanpa kerajaan campuran" (*Ibid.* Hlm. 14-15). Walau bagaimanapun, sekiranya kenyataan Wan Ismail Ibrahim bahawa salah satu daripada faktor-faktor utama yang mendorong PAS membentuk kerajaan campuran dengan Perikatan ialah kerana kebimbangan, yang dikatakan tidak diketahui oleh ahli-ahlinya, pemimpinnya terhadap kemerosotan pengaruh PAS di Kelantan yang dikatakan "akan membahayakan (kedudukan) PAS" di dalam pilihan raya umum yang akan datang (Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999)--kenyataan yang turut disokong oleh kandungan Penyata Tahunan PAS 1968/1971 yang mengingatkan: "Dalam tiap-tiap pilihan raya (umum) selepas Pilihan Raya (Umum) 1959, lawan kita Perikatan ternyata telah membuat kemajuan yang bertambah-tambah dari segi menegakkan kembali pengaruhnya di negeri Kelantan (dan) ini hendaklah sentiasa menjadi cabaran dan ingatan kepada kita..." (Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 76)--terbukti benar, maka jawapan Mohd Asri Muda ini bolehlah dianggap sebagai satu taktik beliau di dalam menghadapi ahli-ahli PAS sahaja.

⁹⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 15.

¹⁰⁰ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972. Hlm. 5.

¹⁰¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 15.

¹⁰² *Ibid.* Hlm. 15 dan 16. Mengikut wakil Sabak Bernam: "Di belakang kita berpuluhan-puluhan ribu ahli-ahli kita, perkara ini besar, nanti pandangan yang diberi tidak menerima". Mengikut wakil Kuala Langat: "Telah sekian lama kita marah kepada Perikatan kerana merugikan perjuangan Islam dan bangsa Melayu, sekarang hendak berunding pula". Mengikut wakil Arau Kurung Anai: "Memandang

manakala 4 perwakilan lain, iaitu wakil-wakil Kuala Berang, Kuala Kangsar, Dewan Muslimat PAS Pusat dan Dewan Ulama' PAS Pusat, telah berhujjah menyokongnya.¹⁰³

Di sebalik perbahasan yang kelihatan seimbang ini, sokongan dua pembahas terakhir ke atas usul ini, iaitu wakil Dewan Muslimat PAS Pusat yang menarik balik ketetapan mesyuarat agung tahunan dewan itu untuk membantah usul pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS¹⁰⁴ dan wakil Dewan Ulama' PAS Pusat yang menarik balik ketetapan muktamar tahunan dewan itu untuk meminta ditangguhkan usul pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS,¹⁰⁵ ternyata agak mempengaruhi corak pengundian para perwakilan. Turut mempengaruhi corak pengundian mereka ialah

kepada sejarah, Perikatan (selalu) mengemukakan manisan yang beracun". Mengikut wakil Kampong Gajah: "Saya lama berdamping dengan Perikatan, banyaklah yang didapati yang Perikatan tidak jujur".

¹⁰³ Ibid. Hlm. 16. Mengikut wakil Kuala Berang: "Kita berpolitik dengan berunding". Mengikut wakil Kuala Kangsar: "(Jawatankuasa Kerja Agung PAS) hanya sekadar meminta mandat (untuk berunding) sahaja... Di dalam perundingan itu kita dapat mengukur sejauh mana kejujuran Perikatan". Hujjah-hujjah wakil-wakil Dewan Muslimat PAS Pusat dan Dewan Ulama' PAS Pusat telah tidak direkodkan di dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 ini.

¹⁰⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat Kali Ke-12 pada 27 Julai 1972. Hlm. 17. Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat Kali Ke-12 ini telah dengan sebulat suara meluluskan usul wakil Langgar Limbong yang memintanya "tidak menerima sama sekali Kerajaan Campuran Perikatan-PAS". Laporan Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat 1972/1973 walau bagaimanapun telah tidak memberikan sebarang penjelasan mengenai perubahan sikap wakil dewan itu (Laporan Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat 1972/1973, Hlm. 1-3).

¹⁰⁵ Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-11 pada 27 Julai 1972. Hlm. 5-10. Di sebalik keterangan Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengenai sokongan beliau ke atas pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS kerana "kalau kita hendak memerintah menguasai negara akan memakan masa yang lama", juga penjelasan beliau bahawa penolakan ke atasnya "bererti tidak percaya kepada Jawatankuasa Kerja Agung yang telah menyambut pelawaan Tun Razak seperti yang (akan) dibuat (di) dalam ucapan dasar (Yang Dipertua) Agung PAS esok", Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-11 ini telah meluluskan usul wakil Selangor yang meminta "rancangan apa yang dikatakan kerajaan campuran itu ditangguhkan untuk keselamatan keturunan kita akan datang hingga mesyuarat agung yang akan datang" setelah ia memperolehi 10 undi berbanding 9 undi yang diperolehi oleh usul wakil Terengganu yang memintanya "menolak apa yang dinamakan kerajaan campuran pada semua peringkat" dan 8 undi yang diperolehi oleh usul wakil Pahang yang memintanya "menerima apa yang dinamakan kerajaan campuran dengan beberapa syarat supaya dasar-dasar hukum Islam dapat dijadikan dasar perundangan negara Malaysia". Mengikut Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1972/1973, kesemua, kecuali seorang, wakil dewan itu telah memberikan sokongan mereka kepada usul pemberian kuasa kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengadakan perundingan mengenai pembentukan kerajaan campuran itu memandang suasana mesyuarat agung itu begitu tegang sekaligus untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya perpecahan di antara para pemimpin dan ahli-ahli PAS (Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1972/1973, Hlm. 3).

ucapan Mohd Asri Muda sejurus sebelum pengundian itu dilakukan yang membayangkan kemungkinan perletakan jawatan beliau--melalui tindakan beliau mengisahkan perletakan jawatan Ahmad Fuad Hasan di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Pertama di Tanah Liat, Bukit Mertajam, pada 26 September 1953 akibat tindakan para perwakilan menolak usul untuk meneruskan penyertaan PAS di dalam Persidangan Kebangsaan--sekiranya usul itu ditolak oleh para perwakilan.¹⁰⁶ Mandat yang beliau minta ini akhirnya berjaya beliau perolehi apabila usul ini telah memperolehi 142 undi menyokong berbanding 50 undi membangkang dan 16 undi berkecuali.¹⁰⁷

Sewaktu membincangkan soal pemberian mandat kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972 menyaksikan Mohd Asri Muda dan Nik Abdul Aziz Nik Mat telah dihadapkan dengan beberapa pertanyaan mengenai pembentukan kerajaan campuran ini. Menjawab pertanyaan mengenai sebab Perikatan berkehendakkan kepada kerajaan campuran sedangkan majoritinya di dalam Dewan Rakyat dikatakan masih teguh, Mohd Asri Muda telah menjelaskan bahawa, walaupun majoritinya itu masih teguh, kedudukan Perikatan adalah sebenarnya tidak teguh disebabkan "(perubahan) perimbangan kekuasaan politik yang mendadak sekarang", di mana perpecahan GRM dan DAP dikatakan meningkatkan kekuatan MCA sekaligus menyebabkan UMNO terpaksa menyatukan suara orang-orang Melayu di luar Perikatan bagi mengimbangi kekuatan MCA.¹⁰⁸ Menjawab pertanyaan mengenai hukum pembentukan kerajaan campuran pula, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menjelaskan bahawa, sementara "berikat" dengan orang-orang bukan Islam adalah

¹⁰⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 16.

¹⁰⁷ Ibid. Hlm. 16.

¹⁰⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 7. Pertanyaan ini telah dikemukakan oleh Kassim Ahmad.

diharamkan, "bercampur" adalah diharuskan sekiranya percampuran itu disertai dengan syarat-syarat yang boleh menjamin keutuhan syakhsiah parti-parti yang bercampur itu.¹⁰⁹

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972 ini juga telah dihangatkan dengan perbahasan mengenai asas-asas perundingan yang bakal dijalankan dengan pihak Perikatan di mana Hasan Adli Arshad telah mencadangkan agar syarat-syarat yang akan dibawa ke dalam perundingan itu hendaklah berbentuk umum dengan diambil daripada rumusan kandungan ucapan dasar Mohd Asri Muda sahaja¹¹⁰ manakala Amaluddin Darus pula telah mencadangkan agar syarat-syarat itu hendaklah berbentuk khusus dan konkret.¹¹¹ Mesyuarat ini telah akhirnya bersetuju dengan cadangan Hassan Shukri supaya asas-asas perundingan yang bakal dijalankan dirumuskan daripada kandungan ucapan dasar Mohd Asri Muda yang ditambah dengan beberapa syarat lain,¹¹² iaitu "menerima syari'at Islam sebagai sumber perundangan negara", "tidak melangsungkan pilihan raya umum melainkan setelah tempoh usia Parlimen sekarang berakhir", "memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam perlembagaan negara" dan "menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi di antara rakyat".¹¹³ Ia juga telah bersetuju dengan cadangan Khairul Khatib supaya Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad dan Abu Bakar Hamzah dipilih mewakili PAS di dalamnya.¹¹⁴

¹⁰⁹ Ibid. Hlm. 6 dan 8. Pertanyaan ini telah dikemukakan oleh Yazid Jaafar dan Mohd Taha Kalu.

¹¹⁰ Ibid. Hlm. 4. Cadangan Hasan Adli Arshad ini telah disokong oleh Baharuddin Abdul Latif (Ibid. Hlm. 7).

¹¹¹ Ibid. Hlm. 4. Cadangan Amaluddin Darus ini telah disokong oleh Mohd Taha Kalu (Ibid. Hlm. 6). Amaluddin Darus walau bagaimanapun turut mengingatkan supaya "wakil-wakil kita (yang akan dihantar berunding dengan wakil-wakil UMNO) itu janganlah terlalu menekankan syarat-syarat yang terlalu berat" seperti "supaya mereka itu menerima konsep Islam atau ideologi Islam umpamanya" kerana "kalau itu yang kita tekankan, mereka sudah tentu tidak akan menerimanya".

¹¹² Ibid. Hlm. 6-7.

¹¹³ Ibid. Hlm. 8.

Perundingan Pembentukan Kerajaan Campuran

Dengan berpandukan kepada asas-asas yang telah dipersetujui ini, ketiga-tiga wakil PAS ini pun bersemuka dengan dua wakil UMNO, iaitu Abdul Razak Hussein dan Dr Ismail Abdul Rahman, bagi merundingkan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu pada 16 Ogos 1972.¹¹⁵ Di dalam perundingan pertama ini, wakil-wakil PAS ini sekadar dimaklumkan bahawa tujuan pembentukan kerajaan campuran ini adalah bagi menjaga kepentingan agama, bangsa dan negara, khususnya bagi menjaga kepentingan bangsa Melayu;¹¹⁶ bahawa jangka hayat kerajaan campuran ini hanyalah setakat berakhirnya tempoh usia Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri-Negeri pada masa itu;¹¹⁷ bahawa PAS akan diperuntukkan satu jawatan Menteri;¹¹⁸ bahawa kerajaan campuran ini tidak memerlukan penggubalan satu platform baru;¹¹⁹ bahawa PAS akan dibenarkan menggubal undang-undang yang--meskipun tidak diletakkan label

¹¹⁴ Ibid. Hlm. 8. Cadangan Khairul Khatib, yang memperolehi 8 undi, ini dipersetujui setelah ia mengalahkan cadangan Hasan Adli Arshad supaya Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah dan Wan Ismail Ibrahim dipilih mewakili PAS di dalam perundingan itu yang hanya memperolehi 3 undi.

¹¹⁵ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 3. Sementara Hasan Adli Arshad menyifatkan perundingan yang telah dilangsungkan pada 16 Ogos 1972 ini sebagai satu "dialog tidak rasmi" (Ibid. Fasal 3), Mohd Asri Muda pula menyifatkannya sebagai satu "pertemuan yang tidak benar-benar bersifat perundingan, tetapi pertemuan sekadar menjenguk hati masing-masing dan meninjau pendapat antara kedua belah pihak" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 11).

¹¹⁶ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 3(I) dan Fasal 3(IV).

¹¹⁷ Ibid. Fasal 3(III). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein menyatakan bahawa "selepas (berakhirnya tempoh) itu, masing-masing pandai-pandailah masuk pilihan raya sebab apa pun yang hendak dibincangkan perkara selepas itu mungkin kita pun telah tidak ada lagi".

¹¹⁸ Ibid. Fasal 3(VI). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein telah membayangkan bahawa jawatan ini akan diperuntukkan kepada Mohd Asri Muda sendiri.

¹¹⁹ Ibid. Fasal 3(VII). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein menyatakan bahawa "cukup saja dengan dasar-dasar yang telah diumumkan pada masa-masa yang lalu kerana semuanya telah ada".

Islam--mengandungi nilai-nilai Islam bagi mengawal akhlak rakyat;¹²⁰ bahawa PAS akan dibenarkan mempergiatkan usaha-usaha dakwah di negara ini;¹²¹ bahawa kerajaan campuran di peringkat negeri akan melibatkan Kelantan sahaja¹²² dan bahawa Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri akan diakui statusnya dan akan diberikan bantuan.¹²³

Tidak berpuas hati dengan hasil perundingan pertama mereka ini, Hasan Adli Arshad telah, pada 23 Ogos 1972, menulis sebuah kertas kerja bagi mencadangkan asas-asas yang perlu dibawa ke dalam perundingan kedua mereka pada 5 September 1972, juga bagi menggesa penerimaan ke atas kerajaan campuran yang dikatakan halal di sudut agama¹²⁴ dan amat diperlukan oleh PAS di sudut kelangsungan perjuangannya ini,¹²⁵ di mana dua asas utama yang terkandung di dalamnya ialah bahawa kerajaan campuran di peringkat negeri hanya akan melibatkan Kelantan sahaja dan tidak akan melibatkan Kedah, Terengganu, Perlis dan Perak kerana, mengikut ijтиhad beliau, kerajaan campuran

¹²⁰ Ibid. Fasal 3(IX). Mengikut Mohd Asri Muda kemudiannya, "dalam kerajaan campuran itu, PAS akan diberi tugas dalam hal pembangunan yang ada hubungan (dengan) cara menerapkan Islam dalam perlembagaan, iaitu melalui Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Agama Islam Pusat, yang mana termasuklah undang-undang akhlak dan undang-undang syarak diperluaskan ke dalam undang-undang awam" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 3).

¹²¹ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 3(X). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein "sangat ghairah" memperkatakan tentang keperluan untuk mempergiatkan usaha-usaha dakwah ini.

¹²² Ibid. Fasal 3(VIII). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein langsung tidak menyebut tentang soal pembentukan kerajaan campuran di Terengganu dan Kedah. Mohd Asri Muda juga telah kemudiannya turut menulis mengenai pandangan Dr Ismail Abdul Rahman yang dikatakan mahukan "kerjasama (di) antara PAS dan UMNO itu biarlah setakat Kelantan sahaja", tetapi dengan menambah bahawa "pandangan itu hanya(lah) sekadar seimbas lalu semata-mata" (Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 91).

¹²³ Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 3(XI). Mengikut Hasan Adli Arshad, Abdul Razak Hussein menyatakan bahawa selama ini yayasan ini memang tidak diberikan bantuan kerana kewujudan "perbezaan politik".

¹²⁴ Ibid. Fasal 5. Mengikut Hasan Adli Arshad, kehalalan kerajaan campuran ini adalah didasarkan kepada pertimbangan "dari segi *al-maslalah al-mursalah* dan *an urgent matter of political situation* demi kepentingan darurat yang mendesak umat Islam dalam jangka waktu yang terhad".

¹²⁵ Ibid. Fasal 8.

di negeri-negeri itu akan merugikan PAS¹²⁶ dan bahawa kerajaan campuran di peringkat pusat yang akan dinamakan "Kerajaan Campuran Perikatan-PAS-SUPP"¹²⁷ itu hendaklah memperuntukkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua,¹²⁸ satu jawatan Menteri,¹²⁹ satu jawatan Timbalan Menteri,¹³⁰ dua jawatan Setiausaha Parlimen¹³¹ dan dua jawatan Setiausaha Politik¹³² kepada PAS. Kertas kerja ini walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Ogos 1972¹³³ menyebabkan beliau menarik diri dari menyertai perundingan-perundingan seterusnya.¹³⁴

¹²⁶ Ibid. Fasal 4(II) dan Fasal 4(III).

¹²⁷ Ibid. Fasal 4(IV).

¹²⁸ Ibid. Fasal 4(VI). Mengikut Hasan Adli Arshad, jawatan ini hendaklah diperuntukkan kepada Mohd Asri Muda.

¹²⁹ Ibid. Fasal 4(VI). Mengikut Hasan Adli Arshad, jawatan ini hendaklah diperuntukkan kepada seorang Ahli Dewan Rakyat PAS dari Kedah.

¹³⁰ Ibid. Fasal 4(VI). Mengikut Hasan Adli Arshad, jawatan ini hendaklah diperuntukkan kepada seorang Ahli Dewan Rakyat PAS dari Terengganu.

¹³¹ Ibid. Fasal 4(X).

¹³² Ibid. Fasal 4(XI).

¹³³ Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 28 Ogos 1972 bertajuk "Hari 3-4 September 1972". Hlm. 1.

¹³⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 2. Menurut Ahmad Subky Abdul Latif, sebab Hasan Adli Arshad menarik diri dari menyertai perundingan yang seterusnya adalah kerana perundingan ini dikatakan "tidak menghairahkan beliau". Tulis beliau: "Menurut apa yang diceritakan oleh (Mohd) Taha Kalu...Hasan Adli (Arshad) cuma datang sekali dan kemudiannya menyampaikan 'minority report' kepada Ibu Pejabat PAS walaupun ia tidak pernah diminta...Apakah kandungannya tidak pula dinyatakan oleh (Mohd) Taha Kalu, tetapi dia bertanya, "Apakah yang dapat kita duga dari satu laporan yang seperti itu?" Tidaklah mudah diduga dengan tepat kecuali laporan itu sendiri jatuh ke tangan kita, tetapi yang dapat kita katakan ialah kandungannya tidak menghairahkan" (Ahmad Subky Abdul Latif (1978). Barisan Nasional Digugat Dan Digigit. Kuala Lumpur: Syarikat Usahasama Farook Subky. Hlm. 21-22). Ahli-ahli PAS walau bagaimanapun sekadar dimaklumkan bahawa penarikan diri Hasan Adli Arshad dari menyertai perundingan yang seterusnya ini adalah diakibatkan oleh "keadaan-keadaan dirinya sendiri dan keuzuran orang tuanya" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 11).

Tatkala perundingan kedua mereka pada 5 September 1972 belum membawa sebarang persetujuan muktamad,¹³⁵ perisytiharan awal Abdul Razak Hussein mengenai persetujuan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS¹³⁶ ternyata memerlukan para pemimpin PAS yang telah sebelumnya memutuskan bahawa sebarang perisytiharan mengenainya hanya akan dibuat setelah persetujuan muktamad itu diperolehi.¹³⁷ Ekoran perisytiharan awal Abdul Razak Hussein ini, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang kelihatan tidak berpuas hati dengan perkembangan itu telah, di dalam mesyuarat mereka pada 24 November 1972, segera melantik sebuah jawatankuasa bagi merumus

¹³⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 2. Sewaktu menjawab pertanyaan Mohd Taha Kalu mengenai sebab mengapa "tidak diadakan laporan bertulis apa-apa butir rundingan yang telah dibuat (oleh) wakil-wakil PAS ke majlis perundingan pada 5 September 1972, Mohd Asri Muda telah menjelaskan bahawa "laporan bertulis setakat ini belum dibuat kerana belum ada rundingan muktamad di antara kedua pihak (yang) masing-masing belum mengemukakan notanya".

¹³⁶ "Coalition 'at all levels': PAS-Alliance accord", dlm. Straits Times, 6 September 1972. Mengikut Japoran akhbar Straits Times ini, perisytiharan awal Abdul Razak Hussein mengenai persetujuan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini adalah terkandung di dalam "(a) statement (that) was issued by (him) after the talks (with PAS leaders) at Seri Taman" yang berbunyi: "Talks were held today (5 September 1972) between the Alliance, represented by Tun Abdul Razak and Tun Dr Ismail, and PAS, represented by Dato' Haji Mohd Asri Haji Muda and Senator Abu Bakar Hamzah, on the proposal to form coalition governments between the Alliance and PAS. Both sides have reached agreement on the principle of having coalition governments at state and federal levels. Details of the agreement will be announced when leaders of both parties, Tun Abdul Razak and Dato' Asri, return from their overseas tours". Sama ada ia mempunyai hubung-kait dengan perancangan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini ataupun tidak, sehari setelah berlangsungnya perundingan ini, iaitu pada 6 September 1972, Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah pun bertolak ke luar negara "di atas nama jawatan masing-masing dalam Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan" untuk melawat Timur Tengah (Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Agung PAS bertarikh 8 September 1972 bertajuk "Setiausaha Agung PAS Ke Luar Negeri". Hlm. 1) sehingga 12 Oktober 1972 (Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 14 November 1972 bertajuk "Kerajaan Campuran Tanpa Kongres". Hlm. 1) sementara Abdul Razak Hussein pula dilaporkan akan turut bertolak ke luar negara pada 20 September 1970 untuk melawat Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union ("Coalition 'at all levels': PAS-Alliance accord", dlm. Straits Times, 6 September 1972).

¹³⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 2. Perisytiharan awal Abdul Razak Hussein ini kelihatan turut memerlukan Mohd Asri Muda sendiri yang sekadar mampu menjawab pertanyaan Abu Bakar Umar dan Mohd Taha Kalu mengenai sebab mengapa Abdul Razak Hussein berbuat demikian dengan menyatakan bahawa "itulah yang menjadi (per)soalan(nya)". Beliau walau bagaimanapun turut menjelaskan bahawa "perisytiharan Tun Razak itu adalah persetujuan bersama yang disusunkan oleh kedua-dua pihak, cuma ada lebih baik Tun sahaja disebut dengan perisytiharan itu"--penjelasan yang disambut dengan peringatan Yazid Jaafar bahawa "perisytiharan itu (adalah) berlawanan dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung kita supaya tidak mengisyiharkan apa-apa (hasil) perundingan sebelum ada keputusan muktamad" (Ibid. Hlm. 3).

dan menyusun platform¹³⁸ yang akan dibawa ke dalam perundingan terakhir mereka pada 4 Disember 1972¹³⁹ di samping turut bersetuju memberikan peluang kepada ahli-ahli jawatankuasa itu merumus dan menyusun platform itu di antara pukul-pukul 12.05 tengah hari dan 8.35 malam.¹⁴⁰ Mesyuarat itu telah akhirnya meluluskan kesemua butiran platform yang terbahagi kepada 6 garis dasar yang akan dijadikan asas bagi pembentukan kerajaan campuran,¹⁴¹ 6 tuntutan jawatan di peringkat pusat dan negeri,¹⁴² 4 perjanjian mengenai pilihan raya¹⁴³ dan 2 perjanjian am yang disediakan oleh jawatankuasa itu.¹⁴⁴

¹³⁸ Ibid. Hlm. 6. Mereka yang telah dipilih untuk menganggotai jawatankuasa perumus dan penyusun platform ini adalah Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah, Baharuddin Abdul Latif, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Khairil Khatib, Mohd Taha Kalu dan Wan Ismail Ibrahim.

¹³⁹ Ibid. Hlm. 3. Jelas Mohd Asri Muda: "Pihak Perikatan berpendapat (bahawa) adalah munasabah dan mustahak perisytiharan kerajaan campuran (dibuat) lebih cepat (kerana ia) melibatkan perubahan dalam susunan kabinet dan belanjawan (negara) (di mana ia) dijangka akan diisytiharkan pada awal Januari hadapan (dan) dengan itu perjumpaan akhir bagi merundingkan (kerajaan) campuran itu ialah pada 4 Disember 1972". Mohd Asri Muda dan Abdul Razak Hussein walaupun bagaimanapun telah, pada 27 Disember 1972, sekali lagi berunding "*to finalise details of the coalition*", tetapi perundingan ini dikatakan hanyalah merupakan "*a matter of formality to iron out certain technicalities concerning the coalition*" ("Razak, Asri, hold final round of talks", dlm Straits Times, 28 Disember 1972).

¹⁴⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 7.

¹⁴¹ Ibid. Hlm. 8. Enam garis dasar ini ialah bahawa "...nilai-nilai prinsip-prinsip Islam akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan (negara)", bahawa "...kerajaan akan berusaha memasukkan unsur-unsur Islam ke dalam perundungan dan perlembagaan negara", bahawa "kerajaan berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih...", bahawa "kerajaan berazam untuk mewujudkan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang...", bahawa "kerajaan berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman, baik dari dalam maupun dari luar..." dan "kerajaan berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif...".

¹⁴² Ibid. Hlm. 8-9. Di peringkat pusat, PAS menuntut supaya ia diberikan 2 jawatan Menteri "yang ada hubungan secara langsung dengan hasrat PAS untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan negara dan bagi menerapkan konsep Islam ke dalam masyarakat"; jawatan "Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya (untuk) (kedua-dua kementerian) itu dan 2 jawatan senator, juga pemberian peluang bagi mana-mana ahlinya untuk "dilantik berkhidmat di luar negeri atas nama negara". Di peringkat negeri pula, PAS menuntut supaya ia diberikan 2 jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masingnya bagi Terengganu dan Kedah serta 1 jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masingnya bagi Perak dan Perlis. PAS juga turut menuntut supaya mana-mana ahlinya diberikan peluang untuk "dilantik menjadi anggota mana-mana jawatankuasa, lembaga dan perbadanan kerajaan" di semua peringkat.

¹⁴³ Ibid. Hlm. 9. Empat perjanjian mengenai pilihan raya ini adalah bahawa "pilihan raya umum hendaklah tidak diadakan sebelum tiba waktunya...", bahawa "...hendaklah tidak ada sebarang pertandingan antara PAS dengan Perikatan di dalam pilihan raya kecil di dalam kawasannya masing-masing...", bahawa "kawasan-kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh PAS dalam Pilihan Raya Umum 1969... hendaklah dianggap kawasan PAS..." dan bahawa "hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang".

Turut menghangatkan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972 ini ialah pendedahan bahawa Abdul Razak Hussein dan Mohamed Khir Johari telah, di dalam dua perjumpaan tertutup UMNO, masing-masingnya menyatakan bahawa "bila Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini terbentuk PAS akan jadi lemah" dan bahawa "PAS akan masuk dalam kain (sarung) UMNO bila dia bercampur nanti".¹⁴⁵ Di sebalik pendedahan ini, juga pendedahan bahawa ada ura-ura usul pembentukan kerajaan campuran ini akan ditolak oleh Mesyuarat Agung Khas PAS¹⁴⁶--ura-ura yang diperkuuhkan oleh tindakan Hasan Adli Arshad mengemukakan sebuah kertas kerja,¹⁴⁷ yang telah ditolak oleh mesyuarat ini,¹⁴⁸ bagi membolehkan pembentukan kerajaan

¹⁴⁴ Ibid. Hlm. 9. Dua perjanjian am ini adalah bahawa "kebebasan anggota-anggota PAS dalam kabinet pusat, negeri, parlimen dan dewan-dewan negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin" dan bahawa "sebuah jawatankuasa penyelaras hendaklah ditubuh(kan) dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara PAS dan Perikatan".

¹⁴⁵ Ibid. Hlm. 5. Pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Yusoff Rawa dan telah disahkan oleh Abu Bakar Umar melalui "perisik-perisik (kita)".

¹⁴⁶ Ibid. Hlm. 5. Pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Mohd Taha Kalu.

¹⁴⁷ Surat Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 25 Oktober 1972 bertajuk "Tidak Perlu Kongres Khas". Hlm. 1-3. Cadangan yang dikemukakan oleh Hasan Adli Arshad ini adalah berbunyi: "Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat bolehlah ditubuhkan sekarang juga sekiranya Saudara Yang Dipertua Agung sudah mempunyai keyakinan penuh bahawa gagasan campuran seperti yang telah dirundingkan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi Perikatan itu lebih menguntungkan ideologi PAS dan sesuai dengan semangat resolusi Kongres PAS Ke-18 yang lalu dan masanya pun dianggap telah cukup matang. Maka untuk melaksanakan itu tidaklah perlu diadakan apa-apa kongres khas untuk menimbangkannya, tetapi memadailah sahaja akan dipertanggungjawabkan secara penuh di dalam kongres tahunan yang akan datang yang menurut (perlombagaan) boleh diadakan dalam bulan April 1973 akan datang". Hasan Adli Arshad walau bagaimanapun tidaklah terlalu bertegas di dalam mengusulkan supaya pembentukan kerajaan campuran ini dilakukan tanpa perlu dibawa kepada suatu Mesyuarat Agung Khas PAS kerana beliau juga turut menyatakan bahawa jika Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang lain masih mahu melangsungkan Mesyuarat Agung Khas PAS ini, ia boleh sahaja dilangsungkan dengan syarat bahawa "(tidak akan berlaku) rajuk-merajuk dan menubuhkan parti lain", bahawa "(tidak akan berlaku) langkah memindahkan Pejabat Agung dari Kuala Lumpur (ke Kota Bharu)", bahawa "(tidak akan berlaku) tindakan oleh sesetengah Anggota Parlimen memberhentikan derma bulanan (mereka) untuk Pejabat Agung", bahawa "keputusan dalam sidang khas itu...hendaklah diundi dengan (secara) sulit" dan bahawa "(hendaklah) tidak ada sebarang ugutan atau tekanan, sama ada secara kasar atau secara halus".

¹⁴⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 7. Cadangan ini telah ditolak tanpa dibahaskan kerana ia "tidak mendapat sokongan serta berlawanan dengan keputusan Mesyuarat Agung (Tahunan PAS Kali Ke-18)".

campuran ini dilakukan tanpa dibawa kepada suatu Mesyuarat Agung Khas PAS¹⁴⁹-- mesyuarat ini tetap tidak berganjak dari meneruskan agenda pembentukan kerajaan campuran ini dengan menetapkan Mesyuarat Agung Khas PAS dilangsungkan pada 21 Disember 1972 dan dengan mengarahkan Dewan Ulama' PAS Pusat memanggil satu perjumpaan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 untuk mendapatkan mandat yang lebih kukuh ke atas pembentangan usul pembentukan kerajaan campuran ini.¹⁵⁰

Pengubahsuaihan yang telah dibuat oleh wakil-wakil UMNO, di dalam perundingan mereka dengan wakil-wakil PAS pada 4 Disember 1972, ke atas bentuk dan kandungan 6 garis dasar itu--khususnya melalui perubahan tanggungjawab melaksanakan garis-garis dasar itu daripada kerajaan campuran itu sendiri kepada PAS semata-mata¹⁵¹ dan melalui pelembutan¹⁵² dan pengehadan¹⁵³ usaha mengIslamisasikan

¹⁴⁹ Motif sebenar mengapa Hasan Adli Arshad begitu beria-ia untuk merealisasikan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini tidaklah dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, sejurus setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei, beliau pernah diutuskan sepucuk surat oleh Abdullah Zawawi Hamzah yang di antara lainnya berbunyi: "Keadaan perubahan yang mungkin berlaku di dalam negeri itu perlulah kita kaji benar-benar. Kita atau parti kita mestilah ikut sama berkecimpung untuk menentukan nasib bangsa dan tanah air kita di saat kegentingan sekarang dan akan datang. Desas-desus banyak terdengar bahawa perubahan mesti akan berlaku...Parti kita haruslah tidak ketinggalan mencorakkan apa-apa perubahan yang bakal timbul atau ditimbulkan, walaupun kejayaannya masih belum dapat kita pastikan. Dan saya rasa saudara sendiri lebih merasakan soal ini daripada tokoh-tokoh yang lain" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 18 Jun 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Walaupun beliau mungkin didorong oleh hasrat untuk memastikan PAS "tidak ketinggalan mencorakkan apa-apa perubahan yang bakal timbul atau ditimbulkan", perkembangan yang berlaku selepasnya, khususnya keengganannya beliau mematuhi keputusan-keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 November 1977 ("Rasmi: Asri ketuai berhenti dari kabinet", dlm. Utusan Melayu, 9 November 1977; Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Parlimen Keempat. Penggal Ketiga. Jil. III, Bil. 37. Hari Selasa, 8 November 1977. Ruangan 4149-4154, 4251 dan 4257), yang diperkuatkan lagi oleh pendedahan beliau sendiri di dalam satu perbualan peribadi beliau dengan Wan Hashim Wan Ahmad kemudiannya (Wawancara dengan Wan Hashim Wan Ahmad di kediaman beliau pada 11 Mei 1999), menunjukkan bahawa kepentingan peribadi masih menjadi salah satu motif, kalaupun tidak motif utama, beliau, sekurang-kurangnya tatkala kerjasama di antara PAS dan UMNO ini mula mencapai penghujungnya.

¹⁵⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 10. Mengikut Abu Bakar Hamzah kemudiannya, tujuan perjumpaan ini dilangsungkan "hanya(lah) sekadar mencari *tarjih* untuk menasihatkan Jawatankuasa Kerja Agung khasnya dan Kongres PAS amnya tentang kedudukan masalah (kerajaan campuran) dari segi pandangan *siasah syari'ah*" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bertarikh 25 November 1972 bertajuk "Pertemuan Ulama'-Ulama' PAS Pada 14 Disember 1972 Di Kuala Lumpur". Hlm. 1).

sistem pemerintahan negara--walau bagaimanapun telah tidak ditimbulkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972, begitu juga dengan penolakan mereka ke atas tuntutan agar PAS diberikan dua jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik masing-masingnya dan agar PAS diberikan satu jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Perak dan Perlis.¹⁵⁴ Walaupun Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini amat tidak berpuas hati¹⁵⁵ dengan peruntukan satu jawatan Menteri yang akan diberikan kepada PAS di dalam kerajaan campuran itu,¹⁵⁶ setelah diundi, mesyuarat itu telah bersetuju untuk meminta dua jawatan

¹⁵¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 8; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972. Hlm. 3-4. Perubahan ini jelas kelihatan di dalam penggantian yang telah dibuat ke atas frasa "Kerajaan (Campuran Perikatan-PAS) berazam..." yang terdapat pada setiap butiran garis dasar itu dengan frasa "PAS, melalui Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, berazam..." atau frasa "PAS, dengan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, berazam...".

¹⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 8; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972. Hlm. 3-4. Pelembutan usaha mengIslamisasikan sistem pemerintahan negara ini jelas kelihatan di dalam penggantian yang telah dibuat ke atas frasa "...nilai-nilai prinsip-prinsip Islam akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan (negara)" yang terdapat pada butiran garis dasar pertama dengan frasa "...nilai-nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara", juga di dalam penggantian yang telah dibuat ke atas frasa "...kerajaan akan berusaha memasukkan unsur-unsur Islam ke dalam perundangan dan perlombagaan negara" yang terdapat pada butiran garis dasar kedua dengan frasa "...PAS, dengan kerajaan campuran yang diwujudkan itu, akan berusaha memberikan nilai-nilai Islam kepada perundangan dan perlombagaan negara".

¹⁵³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972. Hlm. 6. Pengehadan usaha mengIslamisasikan sistem pemerintahan negara ini jelas kelihatan di dalam penjelasan Mohd Asri Muda bahawa "yang dinyatakan kepada kita (ialah kita) akan bertanggungjawab menerapkan apa yang kita nyatakan dalam garis-garis dasar kita itu melalui kementerian yang diberikan kepada kita sahaja".

¹⁵⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 8-9; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972. Hlm. 4. Turut ditolak ialah tuntutan PAS agar "pilihan raya umum hendaklah tidak diadakan sebelum tiba waktunya...".

¹⁵⁵ Turut menimbulkan ketidakpuasan hati Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ialah penjelasan Mohd Asri Muda bahawa "(Kerajaan) Campuran Perikatan-PAS ini tidak akan ditubuhkan secara *agreement* yang akan ditandatangani oleh kedua belah pihak kerana, jika platform itu ditandatangani bersama, ia bukan lagi dinamakan *coalition*, sebaliknya ia adalah menjadi *merger*, sebab platform itu bukan lagi hak kita, tapi adalah hak bersama". Sewaktu mengulas kenyataan Abu Bakar Umar bahawa "kalau tidak ada tandatangan bersama, kongres mungkin akan menolak (usul kerajaan campuran ini)...oleh itu, soal dasar ini haruslah tegas, dan mestilah ada *agreement*", Mohd Asri Muda sekadar mengulangi penjelasan beliau bahawa "*agreement* dalam soal (kerajaan) campuran ini tidak lazim (dilakukan)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Disember 1972. Hlm. 3 dan 6).

¹⁵⁶ Ibid. Hlm. 5, 6 dan 7. Ketidakpuasan hati Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini jelas kelihatan di dalam kenyataan Mohd Taha Kalu yang menegaskan bahawa "kalau satu, biarlah kerajaan

Menteri, tetapi sekiranya permintaan ini ditolak, maka "satu (jawatan Menteri) pun boleh diterima dengan syarat hendaklah dimasukkan beberapa jabatan penting di dalamnya".¹⁵⁷

Penolakan dan pengubahsuaian yang telah dibuat oleh wakil-wakil UMNO ke atas beberapa butiran platform yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil PAS itu juga tidaklah begitu menjelaskan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini kerana Mohd Asri Muda sendiri telah, di dalam Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 Disember 1972, menjelaskan betapa, hasil daripada perundingan mereka pada 4 Disember 1972 itu, wakil-wakil PAS telah berjaya memastikan bahawa Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu tidak akan menjelaskan identiti PAS, malah akan memberarkan PAS memperjuangkan dua perkara pokok di dalamnya, iaitu untuk menyeimbangkan usaha pembangunan lahiriah dengan usaha pembangunan rohaniah dan untuk memberikan nilai-nilai Islam kepada perundangan dan perlembagaan negara,¹⁵⁸ bahkan PAS juga dikatakan bebas untuk menarik diri darinya pada bila-bila masa.¹⁵⁹

Mengulangi keputusan mesyuaratnya pada 22 Julai 1972, mesyuarat ini telah, di atas

campuran tidak jadi"; di dalam kenyataan Abu Bakar Hamzah yang menegaskan bahawa "saya bersetuju (bahawa kita) tetap meminta dua kementerian"; di dalam kenyataan Salmah Shaikh Hussain yang menegaskan bahawa "kita pertahankan dua (kementerian) dan kalau tak dapat kita tolak (kerajaan) campuran"; dan di dalam kenyataan Dr Mohd Nor Nordin yang menegaskan bahawa "(kita minta) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (sebagai kementerian kedua kita)".

¹⁵⁷ Ibid. Hlm. 7. Cadangan Mohd Taha Kalu, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani dan Wan Ismail Ibrahim ini telah diluluskan setelah ia memperolehi 8 undi berbanding 3 undi yang diperolehi oleh cadangan Amaluddin Darus yang mahukan PAS meminta dua kementerian dan sekiranya permintaan ini ditolak maka PAS akan menolak kerajaan campuran itu, juga 1 undi yang diperolehi oleh cadangan Salmah Shaikh Hussain yang mahukan PAS meminta dua kementerian dan sekiranya permintaan ini ditolak maka perkara ini akan dibincangkan kembali oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS. Sewaktu mula-mula menyuarakan cadangan ini, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani telah menyatakan: "Kalau kita hanya diberi satu sahaja kementerian pun tidak mengapa, tapi biarlah MARA (dan, kalau boleh, PERNAS dan UDA) dimasukkan ke dalam kementerian yang kita pegang" (Ibid. Hlm. 5).

¹⁵⁸ Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 Disember 1972. Hlm. 2. Frasa yang telah digunakan oleh Mohd Asri Muda sewaktu menjelaskan dua perkara pokok yang dikatakan akan dibenar untuk diperjuangkan oleh PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS walau bagaimanapun tidaklah begitu tepat kerana beliau menyatakan bahawa PAS akan dibenarkan untuk "memperjuangkan supaya usaha pembangunan rohaniah hendaklah disertakan dalam semua bidang pembangunan lahiriah supaya terdapat keseimbangan antara keduanya" dan untuk "memasukkan nilai-nilai dan unsur-unsur Islam ke dalam perundangan dan perlembagaan negara".

cadangan Wan Ismail Ibrahim, bersetuju memanggil, pada 16 Disember 1972, semua perwakilan PAS Kelantan yang akan menghadiri Mesyuarat Agung Khas PAS bagi memastikan mereka akan memenangkan usul pembentukan kerajaan campuran ini.¹⁶⁰

Usul pembentukan kerajaan campuran ini walau bagaimanapun menghadapi rintangan awal apakala, di sebalik penjelasan yang telah diberikan oleh Abu Bakar Hamzah dan Mohd Asri Muda di dalamnya,¹⁶¹ Jawatankuasa Tarjih yang telah dibentuk oleh perjumpaan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 itu telah gagal mencapai sebarang kata sepakat mengenai keharusannya.¹⁶² Secara khususnya, daripada 23 ulama' PAS yang menghadiri persidangan itu, 9 daripadanya--dengan 6 daripadanya datang dari Kedah, 2 dari Perak dan 1 dari Perlis--iaitu Othman al-Yunusi, Abdul Samad Noh, Ramli Senik, Ahmad Long, Yahya Junid, Zakaria Mohd Dohor, Abu Bakar Hanafiah, Azhari Abdul Razak dan Mawardi Lebai Teh, telah menghujahkan keharamannya¹⁶³ manakala

¹⁵⁹ Ibid. Hlm. 2.

¹⁶⁰ Ibid. Hlm. 2. Mengikut Wan Ismail Ibrahim: "Kebulatan sikap dan peranan serta suara wakil-wakil cawangan PAS seluruh Kelantan dalam Kongres Khas pada 21 Disember 1972 sangatlah penting supaya cadangan yang baik ini tidak dikalahkan oleh undi dari orang-orang yang tidak cukup faham akan persoalan yang sebenarnya".

¹⁶¹ Laporan Dewan Ulama' PAS Pusat bertarikh 18 Disember 1972 bertajuk "Pendapat Dan Pandangan Ulama'-Ulama' PAS Dalam Perjumpaannya Pada 8 Zulkaedah 1392H Bersamaan 14 Disember 1972M Berkenaan Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 1.

¹⁶² Ibid. Hlm. 2. Mengikut kertas kerja yang memandu perjalanan muzakarah ini: "Menurut Setiausaha Agung, dalam menjalankan rundingan itu, pihak PAS berpandu dan berpegang kepada lima pedoman, iaitu, "jika berlaku Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, namun PAS tetap sebagai PAS, bukan sebahagian daripada Parti Perikatan", "hendaklah lebih dahulu ada pengakuan daripada pihak Perikatan (untuk) menjalankan syari'at Islam menurut perlumbagaan negara", "hendaklah ada bukti-bukti untuk menjalankan syari'at Islam itu", "hendaklah ada gerakan dakwah Islamiah dengan lebih berkesan menurut perlumbagaan negara" dan "hendaklah lebih dahulu disediakan satu platform bersama yang diiklankan kepada seluruh masyarakat negara, ertinya platform bersama itu ialah merupakan garis-garis dasar yang dipersetujukan antara kedua pihak yang berkenaan kepada perkara-perkara yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan itu". Tambah kertas kerja ini lagi: "Menurut apa yang disarankan dan difahamkan, tentunya platform yang telah dipersetuju bersama itu akan menjadi ikrar bersama dengan penuh tanggungjawab antara dua pihak, yakni pihak kerajaan yang berkuasa sekarang dan pihak PAS yang masuk bercampur" (Kertas kerja Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, bertarikh 10 Disember 1972 bertajuk "Kertas Kerja Perjumpaan Ulama'-Ulama' PAS Malaysia Buat Membincangkan Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 2-3).

14 daripadanya--dengan 3 daripadanya datang dari Kelantan dan Pahang setiap satunya, 2 dari Johor dan Melaka setiap satunya dan 1 dari Selangor, Terengganu, Seberang Perai dan Pejabat Agung PAS sendiri setiap satunya--iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nik Mat Nik Man, Faqih Ahmad, Abdul Hakim Abdullah, Kassim Ahmad, Yahya Othman, Zabidi Ali, Tahir Daeng Mengati, Mat Saad Ahmad, Salleh Yusof, Jamahir Idris, Husin Besar, Daud Yusof dan Abu Bakar Hamzah, telah menghujahkan keharusannya.¹⁶⁴

Kelulusan Usul Pembentukan Kerajaan Campuran

Ekoran daripada kegagalan usaha Jawatankuasa Kerja Agung PAS mendapatkan mandat yang lebih kukuh ke atas pembentangan usul pembentukan kerajaan campuran

¹⁶³ Laporan Dewan Ulama' PAS Pusat bertarikh 18 Disember 1972 bertajuk "Pendapat Dan Pandangan Ulama'-Ulama' PAS Dalam Perjumpaannya Pada 8 Zulkaedah 1392H Bersamaan 14 Disember 1972M Berkenaan Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 2. Nas-nas al-Qur'an yang telah digunakan oleh ulama'-ulama' PAS yang mengharamkan pembentukan kerajaan campuran ini ialah Ayat 21 Surah al-Ahzab (yang bererti, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat"), Ayat 113 Surah Hud (yang bererti, "Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang melakukan kezaliman, maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun, yang lain dari Allah, kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan"), Ayat 42 Surah al-Baqarah (yang bererti, "Dan janganlah kamu campur-adukkan yang benar itu dengan yang salah"), Ayat 63 Surah al-Anfal (yang bererti, "Kalaulah engkau membelanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara (perasaan hati) mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (perasaan hati) mereka, sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana"), Ayat 59 Surah al-Nisa' (yang bererti, "Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Qur'an) dan (sunnah) Rasul-Nya") dan Ayat 26 Surah Nuh (yang bererti, "Wahai Tuhanmu, janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi") (Ibid. Hlm. 3-4).

¹⁶⁴ Ibid. Hlm. 4. Nas-nas al-Qur'an yang telah digunakan oleh ulama'-ulama' PAS yang mengharuskan pembentukan kerajaan campuran ini ialah Ayat 21 Surah al-Ahzab (yang bererti, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat"), Ayat 104 Surah Ali 'Imran (yang bererti, "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji)" dan Ayat 36-37 Surah al-Zumar (yang bererti, "Dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan oleh Allah (dengan sebab pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya, dan sesiapa yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah (dengan sebab pilihannya yang benar), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menyesatkannya") (Ibid. Hlm. 5-6).

daripada perjumpaan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 ini,¹⁶⁵ Abu Bakar Hamzah telah menggunakan *slot* "Ucapan Setiausaha Agung" yang diperuntukkan kepada beliau di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 21 Disember 1972¹⁶⁶ itu untuk menghujahkan keharusan pembentukan kerajaan campuran ini.¹⁶⁷ Beliau telah, di dalam ucapan bertajuk "Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat Tahun 1972" yang teksnya turut diedarkan kepada para perwakilan,¹⁶⁸ setelah menjelaskan bahawa "masalah kerajaan campuran di hadapan kita adalah suatu perkara *ijtihadiah*",¹⁶⁹ menegaskan bahawa "...berpandukan kepada nas-nas di dalam al-Qur'an¹⁷⁰ ...maka saya dapati perkara

¹⁶⁵ Abu Bakar Hamzah sendiri telah tidak membuat sebarang rujukan ke atas keputusan perjumpaan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 ini tetapi beliau telah menyatakan bahawa "di dalam Kongres Ke-18 dahulu memang ada perwakilan Dewan Ulama', jika perkara ini 'haram asalan' maka tentulah mereka tidak berdiam diri" (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 20 Disember 1972 bertajuk "Penjelasan Terhadap Beberapa Pertanyaan Tentang Kerajaan Campuran". Hlm. 5).

¹⁶⁶ Disebabkan keadaan banjir yang melanda sebahagian daripada negeri Kelantan pada tarikh Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 ini dilangsungkan, iaitu pada 21 Disember 1972, Abdul Razak Hussein telah menyediakan dua buah kapal terbang khas untuk membawa para perwakilan PAS Kelantan ke tempat ia dilangsungkan, iaitu Kuala Lumpur (Wawancara dengan Mohd Zahari Awang di kediaman beliau pada 15 Jun 2004).

¹⁶⁷ Abu Bakar Hamzah juga telah turut mengeluarkan dua buah kertas kerja yang disimpulkan dengan pendapat beliau bahawa "kerajaan campuran patut diterima oleh PAS" dan dengan kepercayaan beliau bahawa "para perwakilan PAS di dalam Kongres Khas pada 21 Disember 1972 ini akan dengan tenang, waras, matang dan penuh keikhlasan dan bertolaknya untuk mencapai suatu keputusan yang baik dan boleh mengelakkan perpaduan mereka dalam menghadapi segala cabaran zaman pada masa ini" (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 6 Disember 1972 bertajuk "Kajian Ringkas Terhadap Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 19), juga dengan pendapat beliau bahawa "masalah kerajaan campuran yang dihadapi kita sekarang adalah harus (*ja'iz*) pada hukum syara' dan ianya sudah sewajarnya diterima oleh para perwakilan Kongres Khas 21 Disember 1972 ini" (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 20 Disember 1972 bertajuk "Penjelasan Terhadap Beberapa Pertanyaan Tentang Kerajaan Campuran". Hlm. 12).

¹⁶⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS pada 21 Disember 1972. Hlm. 10.

¹⁶⁹ Teks ucapan Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 bertajuk "Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat Tahun 1972". Hlm. 3.

¹⁷⁰ Nas-nas al-Qur'an yang telah digunakan oleh Abu Bakar Hamzah untuk menghujahkan keharusan pembentukan kerajaan campuran ini adalah Ayat 125 Surah al-Nahl (yang bererti, "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk"), Ayat 6 Surah al-Tawbah (yang bererti, "Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam),

Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini adalah boleh dimasukkan di bawah kaedah *usul al-fiqh* 'mengurus terhadap orang ramai hendaklah berkisar di atas kepentingan mereka' (dan kaedah *usul al-fiqh* 'asal hukum dalam semua perkara ialah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan pengharamannya)";¹⁷¹ "oleh itu", ujar beliau, "(ia) adalah harus".¹⁷²

maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarkanlah ia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman, perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam"), Ayat 94 Surah al-Nisa' (yang bererti, "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu (tanda) perdamaian (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah): 'Engkau bukan orang yang beriman"'), Ayat 61 Surah al-Anfal (yang bererti, "Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Ia Amat Mendengar, lagi Amat Mengetahui"), Ayat 7 Surah al-Mumtahanah (yang bererti, "Semoga Allah akan mengadakan perasaan kasih sayang di antara kamu dengan orang-orang yang kamu musuh dari kerabat kamu itu (dengan jalan menjadikan mereka insaf dan memeluk Islam), dan (ingatlah) Allah Amat Berkuasa (atas tiap-tiap sesuatu), dan Allah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani"), Ayat 8 Surah al-Mumtahanah (yang bererti, "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil"), Ayat 28 Surah Ali 'Imran (yang bererti, "Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman, dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian, maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun; kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (golongan yang kafir itu), dan Allah memerintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya (menyeksa kamu), dan kepada Allah jualah tempat kembali"), Ayat 90 Surah al-Nisa' (yang bererti, "Kecuali orang-orang yang pergi (meminta perlindungan) kepada suatu kaum yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, atau orang-orang yang datang kepada kamu sedang hati mereka merasa berat hendak memerangi kamu atau memerangi kaum mereka, dan jika Allah menghendaki, nescaya Ia menjadikan mereka berkuasa melawan kamu, kemudian tentulah mereka memerangi kamu; dalam pada itu, jika mereka membiarkan kamu (tidak mengancam atau mengganggu), serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu sesuatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka"), Ayat 64 Surah Ali 'Imran (yang bererti, "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Wahai Ahli Kitab! Marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita tidak menyembah selain Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun, dan jangan pula sebahagian daripada kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain daripada Allah', kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima) maka katakanlah kepada mereka: 'Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam"'), Ayat 72 Surah al-Anfal (yang bererti, "Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam (perkara menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, dan (ingatlah) Allah amat melihat akan apa yang kamu lakukan") dan Ayat 56 Surah al-Qasas (yang bererti, "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasih (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam)") (Ibid. Hlm. 7-8).

¹⁷¹ Ibid. Hlm. 7.

Hujjah Abu Bakar Hamzah ini jelas tidak mengambil kira alasan-alasan 9 daripada 23 ulama' PAS yang mengharamkan pembentukan kerajaan campuran itu, iaitu, pertama, kerana ia dikatakan melibatkan dua pihak yang berlainan *isme* dan cita-citanya, iaitu kelslaman dan keduniaan (sekular); kedua, kerana penyertaan di dalamnya dikatakan bererti bekerjasama dan bersubahat dengan orang-orang yang bukan Islam dan yang menentang hukum Islam di dalam mengendalikan pemerintahan negara yang dikatakan akan memasukkan penyertanya ke dalam golongan orang-orang *asi* dan orang-orang zalim yang dilarang oleh Islam; ketiga, kerana PAS yang dikatakan lemah akan dikalahkan suaranya oleh Perikatan yang kuat menyebabkan ia tidak akan berjaya melaksanakan azamnya untuk menerapkan Islam ke dalam sistem pemerintahan negara; keempat, kerana persetujuan untuk tidak menandingi di antara satu sama lain di dalam pilihan raya dikatakan berlawanan dengan keputusan Dewan Ulama' PAS Pusat yang mewajibkan pertandingan itu; kelima, kerana ia dikatakan akan menghilangkan keperibadian PAS; dan, keenam, kerana ia dikatakan mungkin akan membawa kepada perpecahan--suatu perkara yang ditegah di dalam Islam--di kalangan ahli-ahli PAS.¹⁷³

Hujjah beliau ini walau bagaimanapun adalah selari dengan alasan-alasan 14 daripada 23 ulama' PAS yang mengharuskan pembentukan kerajaan campuran itu, iaitu, pertama, kerana ia dikatakan akan tetap mengekalkan keperibadian PAS; kedua, kerana ia dikatakan akan memberikan peluang kepada PAS untuk melaksanakan dakwah dengan cara yang lebih berkesan; ketiga, kerana PAS dikatakan telah pun bekerjasama dengan kerajaan melalui penyertaannya di dalam majlis-majlis mesyuarat dan badan-badan lain; keempat, kerana percampuran dikatakan tidak akan mengikat dan merugikan PAS;

¹⁷² Ibid. Hlm. 7.

kelima, kerana pertelagahan pendapat mengenainya dikatakan merupakan kesedaran untuk kebaikan parti dan bukannya bererti perpecahan; keenam, kerana ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan bagi mengharamkan percampuran itu kebanyakannya dikatakan diturunkan di Madinah tatkala Islam telah mencapai kekuasaan menyebabkan ia tidak begitu tepat untuk digunakan kepada PAS yang dikatakan masih belum berkuasa; ketujuh, kerana penyertaan PAS di dalamnya dikatakan akan membolehkan PAS melakukan *islah*; dan, kelapan, kerana walaupun Islam tidak dapat dilaksanakan seratus peratus, peluang yang diberi perlu digunakan untuk melaksanakannya sebaik mungkin.¹⁷⁴

Sementara Abu Bakar Hamzah menghujahkan keharusan pembentukan kerajaan campuran ini, Mohd Asri Muda pula telah menggunakan *slot* "Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung" yang diperuntukkan kepada beliau untuk meredakan sebarang penentangan yang mungkin timbul ke atas usul pembentukan kerajaan campuran ini, khususnya dengan menegaskan bahawa penyertaan PAS di dalam kerajaan campuran ini-

¹⁷³ Laporan Dewan Ulama' PAS Pusat bertarikh 18 Disember 1972 bertajuk "Pendapat Dan Pandangan Ulama'-Ulama' PAS Dalam Perjumpaannya Pada 8 Zulkaedah 1392H Bersamaan 14 Disember 1972M Berkennaan Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 2-3.

¹⁷⁴ Ibid. Hlm. 4-5. Komen Abdul Hadi Awang mengenai pendapat ulama'-ulama' PAS yang mengharuskan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, dan kemudiannya Kerajaan Barisan Nasional, ini: "Mereka yang berijihad dalam menyertai kerajaan itu adalah mereka mengkaji dan meneliti melalui Dewan Ulama' PAS yang mengadakan sidangnya dan mengkaji dan meneliti di mana penyertaan di dalam kerajaan itu adalah bermula daripada pihak lawan yang menyatakan muhu bekerjasama dengan PAS sebagai gerakan Islam pada masa itu dengan perkembangan yang berlaku selepas 13 Mei, berdasarkan Firman Allah Ta'alā (yang bererti): "Jika sekiranya mereka itu cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah kamu berdamai dan bertawakkal kepada Allah s.w.t.". Di atas dasar dan sikap *suhū* ataupun sikap perdamaian yang ditunjukkan oleh parti pemerintah di masa itu menyebabkan beberapa anggota di dalam Dewan Ulama' PAS mengambil keputusan berdasarkan kepada *ijtihad* ataupun kajian yang dibuat oleh mereka, mereka menyertai kerajaan campuran itu ataupun Kerajaan Barisan Nasional. Dan pendapat saya sendiri dalam masalah ini di mana hasil daripada kerajaan campuran itu ataupun Kerajaan Barisan Nasional itu telah membuktikan kegagalan PAS sebagai satu parti Islam yang memberi pukulan yang hebat kepadanya...Dan itu adalah suatu *ijtihad* yang salah, dan semoga Allah Ta'alā mengampunkan orang yang berijihad (itu)" (Rakaman ucapan tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis soal jawab di antara beliau dan para pelajar Universiti Pertanian Malaysia di Serdang, Selangor, pada tahun 1983 (tidak bertajuk)).

-yang disertai dengan pemberian beberapa jawatan kepadanya¹⁷⁵--akan membolehkan PAS melaksanakan dasar Islam yang diperjuangkannya melalui dua butiran garis dasar utamanya, iaitu bahawa nilai-nilai ketuhanan akan dijadikan teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara dan bahawa nilai-nilai Islam akan diberikan kepada perundangan dan perlombagaan negara.¹⁷⁶ Penekanan juga turut beliau berikan kepada butiran persetujuan yang dikatakan akan menjamin keperibadian PAS di dalamnya, iaitu kebebasan untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam yang dikatakan turut merangkumi kebebasan untuk menarik diri darinya, juga kepada butiran persetujuan yang dikatakan tidak akan menghalang PAS daripada menandingi pilihan raya umum yang akan datang secara bersendirian.¹⁷⁷

Di sebalik usaha Mohd Asri Muda untuk mengaitkan para penentang usul ini dengan "satu kuasa asing di dalam negara ini" yang dikatakan berusaha keras untuk

¹⁷⁵ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 13-14.

¹⁷⁶ Ibid. Hlm. 12-14. Huraian Mohd Asri Muda mengenai pemberian jawatan politik kepada PAS ini walau bagaimanapun hanyalah ditumpukan kepada pemberian portfolio kabinet yang diberikan kepadanya, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas--satu kementerian yang dikatakan "mempunyai kekuatan yang cukup kuatnya untuk berhubungan rapat dengan rakyat dan untuk mencuba melaksanakan sebahagian daripada konsep perjuangan PAS". Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS keesokan harinya walau bagaimanapun telah, selain memilih Mohd Asri Muda bagi menjawat jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas, memutuskan untuk "menangguhkan kepada suatu masa yang lain untuk memikirkan (soal jawatan Timbalan Menteri), iaitu apabila telah sampai masanya yang sesuai", juga untuk menyetujui permintaan UMNO untuk melakukan "konsep penukaran Setiausaha Parlimen...(di mana) PAS (akan) (men)erima Setiausaha Parlimen UMNO (manakala) UMNO (akan) (men)erima Setiausaha Parlimen PAS"--konsep yang, mengikut Mohd Asri Muda, dikatakan "sangat baik...kalau (di)kaji dari segi penerapan unsur-unsur Islam" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Disember 1972. Hlm. 3), tetapi yang, mengikut Abu Bakar Hamzah kemudiannya, "tidak menguntungkan (PAS)" (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Ogos 1973. Hlm. 2). Mesyuarat ini juga telah turut memilih Abu Bakar Hamzah bagi menjawat jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang diperuntukkan kepada PAS selain menetapkan tiga nama--jaitu Wan Ismail Ibrahim, Mohd Taha Kalu dan Abdul Ghani Mahmud--untuk dipertimbangkan, oleh Mohd Asri Muda sendiri, bagi menjawat jawatan Setiausaha Politik Kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Disember 1972. Hlm. 2-3).

¹⁷⁷ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 13.

menggagalkan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini,¹⁷⁸ beliau terus dihujani dengan pertanyaan daripada para perwakilan yang sama ada tidak berpuas hati dengan pembentukan kerajaan campuran itu sendiri¹⁷⁹ atau dengan butiran-butiran kerjasama yang telah dipersetujukan.¹⁸⁰ Selain kritikan-kritikan tajam ke atas kekurangtegasan dan kegopohan Jawatankuasa Kerja Agung PAS merundingkan soal pembentukan kerajaan campuran ini¹⁸¹--termasuklah kegalannya mendapatkan lampu hijau mengenai soal hukumnya daripada Dewan Ulama' PAS Pusat terlebih dahulu¹⁸²--4 daripada 35 perwakilan yang bertanya itu telah menanyakan kesahihan berita yang menyatakan bahawa Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah akan meletakkan jawatan mereka sebagai Yang Dipertua Agung dan Setiausaha Agung PAS atau akan keluar dari PAS jika usul ini ditolak¹⁸³ manakala seorang perwakilan lagi telah menanyakan kesahihan berita yang menyatakan bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS akan tetap mengisyiharkan pembentukan kerajaan campuran ini walaupun jika usul ini ditolak.¹⁸⁴

Sesi perbahasan ke atas persoalan "apakah garis-garis dasar yang akan diperjuangkan oleh PAS melalui kerajaan campuran mengorbankan prinsip-prinsip

¹⁷⁸ Ibid. Hlm. 14.

¹⁷⁹ Peringatan bertajuk "Butir-Butir Pertanyaan Bertulis Yang Dikemukakan Oleh Perwakilan Di Dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Pada 21 Disember 1972 Di Dewan Bahasa Dan Pustaka" (tidak bertarikh). Hlm. 1 dan 3-5. Pertanyaan mengenai perkara ini telah dikemukakan oleh wakil-wakil Damansara, Sabak Bernam, Arau Kurung Anai, Tunjang dan Pontian.

¹⁸⁰ Ibid. Hlm. 1-5. Pertanyaan mengenai perkara ini telah dikemukakan oleh wakil-wakil Kota Setar Selatan, Sena, Kinta Utara, Bagan Serai, Tanjung Karang, Kuala Pilah, Rembau, Port Dickson, Larut Selatan dan Kampung Gajah.

¹⁸¹ Ibid. Hlm. 2, 5 dan 6. Kritikan ke atas perkara ini telah dibuat oleh wakil-wakil Sungai Petani, Pekan, Pontian dan Dewan Pemuda PAS Pusat.

¹⁸² Ibid. Hlm. 3 dan 4. Kritikan ke atas perkara ini telah dibuat oleh wakil-wakil Kuala Pilah, Kota Setar Barat dan Port Dickson.

¹⁸³ Ibid. Hlm. 1, 2 dan 6. Pertanyaan mengenai perkara ini telah dikemukakan oleh wakil-wakil Gemas, Sena, Kinta Utara dan Dewan Pemuda PAS Pusat. Wakil Gemas juga telah mengemukakan permintaan supaya "pemimpin PAS bersumpah dengan nama Allah (bahawa mereka) tidak (akan) mensesiakan perjuangan PAS selama ini kalau telah dipersetujui kerajaan campuran ini".

perjuangan PAS ataupun tidak" telah dihangatkan dengan hujjah pembahas pertamanya, iaitu wakil Arau Kurung Anai, yang--selain menghujjahkan bahawa ia mengorbankan prinsip perjuangan PAS yang ulung, iaitu untuk menegakkan negara Islam--menyatakan bahawa PAS tidak sepatutnya menentukan untung nasibnya kepada Perikatan yang dikatakan terbukti tidak boleh dipercayai,¹⁸⁵ juga hujjah pembahas terakhirnya, iaitu wakil Dewan Ulama' PAS Pusat, yang menyatakan bahawa butiran-butiran persetujuan yang telah dicapai di dalam perundingan itu diyakini tidak akan membolehkan PAS melaksanakan dengan jayanya garis-garis dasar yang akan diperjuangkan olehnya di dalam kerajaan campuran ini.¹⁸⁶ Turut menyatakan bahawa garis-garis dasar itu mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS ialah wakil-wakil Kangkung Bukit Raya, Kuala Langat dan Langgar Limbong¹⁸⁷ manakala wakil-wakil Kuala Berang, Pontian, Gemas, Bachok, Dewan Muslimat PAS Pusat, Melaka Barat, Seberang Perai Tengah dan Baling menyatakan bahawa ia tidak mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS.¹⁸⁸

Di dalam usaha terakhir beliau untuk meredakan penentangan ke atas usul pembentukan kerajaan campuran ini, Mohd Asri Muda telah, di dalam ucapan penggulungan beliau,--selain memberikan jaminan bahawa PAS tidak akan sama sekali

¹⁸⁴ Ibid. Hlm. 1. Pertanyaan mengenai perkara ini telah dikemukakan oleh wakil Sabak Bernam.

¹⁸⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 15.

¹⁸⁶ Ibid. Hlm. 16.

¹⁸⁷ Ibid. Hlm. 15 dan 16. Hujjah wakil Kangkung Bukit Raya: "Sekarang ini pun semenjak ura-ura campuran, sokongan kepada PAS beransur kurang". Hujjah wakil Kuala Langat: "Tipu helah Perikatan kita telah mengetahui sejak beberapa lama dahulu di dalam segala tindak-tanduknya". Hujjah wakil Langgar Limbong: "Tidak ada satu tanda yang dapat dipegang kerana tidak ada tandatangan yang diturunkan ke atas garis-garis dasar yang dipersetujui, di masa itu akan menyebabkan (PAS) kehilangan tujuan".

¹⁸⁸ Ibid. Hlm. 15 dan 16. Hujjah wakil Kuala Berang: "Garis-garis dasar...menguntungkan (PAS) lagi". Hujjah wakil Pontian: "Campuran ini tidak berikat". Hujjah wakil Bachok: "Konsep kita itu akan menarik konsep Islam kepada kawan-kawan baru kita pula". Hujjah wakil Seberang Perai Tengah: "Orang UMNO (akan) mendapat faham tujuan kita". Hujjah wakil Baling: "Berpandu kepada kata

bersatu dengan UMNO melainkan setelah UMNO menyatakan kesanggupannya untuk memperjuangkan dasar PAS, juga selain mendedahkan sokongan seorang pemimpin Ikhwanul Muslimin Mesir ke atas usul ini--dengan secara terbuka menegaskan bahawa penolakan usul ini akan membawa makna bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS tidak lagi mendapat kepercayaan daripada para perwakilan yang mungkin¹⁸⁹ akan membawa kepada perletakan jawatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, termasuk beliau sendiri yang walau bagaimanapun berjanji akan kekal di dalam PAS.¹⁹⁰ Usul untuk menerima kerajaan campuran ini telah akhirnya diluluskan oleh para perwakilan apabila ia memperolehi 190 undi menyokong berbanding 94 undi membangkang dan 19 undi berkecuali,¹⁹¹ itupun hanya setelah usul pengundian secara sulit yang dicadangkan oleh wakil Dinding, yang memperolehi 131 undi, telah dikalahkan oleh usul pengundian secara terbuka yang dicadangkan oleh wakil Tumpat, yang memperolehi 151 undi.¹⁹²

Imam Ghazali di dalam kitabnya". Hujjah-hujjah wakil-wakil Gemas, Dewan Muslimat PAS Pusat dan Melaka Barat telah tidak direkodkan di dalam Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 ini.

¹⁸⁹ Penambahan perkataan "mungkin" di dalam ayat ini adalah dijustifikasi oleh kehadiran frasa "ini pun akan berbincang pula selepas ini" di akhir penegasan Mohd Asri Muda bahawa "(jika ia) tidak diterima oleh kongres maka bererti (ahli-ahli PAS) tidak menaruh kepercayaan kepada Jawatankuasa (Kerja) Agung lagi, maka lebih baik Jawatankuasa (Kerja) Agung berundur diri" (*Ibid.* Hlm. 17).

¹⁹⁰ *Ibid.* Hlm. 17.

¹⁹¹ Di antara mereka yang mengundi membangkang usul kerajaan campuran ini ialah 5 wakil Dewan Pemuda PAS Pusat yang mengikuti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat sebelumnya bahawa dewan itu "menolak Kerajaan Campuran Perikatan-PAS kalau hanya dengan syarat-syarat persetujuan yang ada itu" (*Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1972/1973*. Hlm. 4), juga 4 daripada 5 wakil Dewan Ulama' PAS Pusat yang mengikuti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat sebelumnya bahawa dewan itu "tak dapat menerima pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu" kerana "syarat-syarat yang tercapai itu ada beberapa kelemahan yang dikhawatir malah hampir-hampir diyakini tidak membolehkan PAS untuk berjuang menjayakan garis-garis dasar yang akan diperjuangkannya selama tempoh kerajaan campuran wujud" (*Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1972/1973*. Hlm. 4).

¹⁹² Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 17. Adalah diandaikan bahawa jumlah undi pihak yang menolak usul kerajaan campuran ini akan bertambah sekiranya undian tersebut dibuat secara sulit--andaian yang diperkuatkan oleh kenyataan ini: "Pendapat umum berat menyangka bahawa Jawatankuasa Kerja Agung yang mengusulkan penubuhan kerajaan campuran itu akan beroleh kemenangan, tetapi satu perkara yang disangskian ialah peratus kemenangan itu haruslah tidak begitu besar. Hal ini didasarkan kepada desas-desus yang kuat bahawa cawangan-cawangan PAS, terutama di sebelah utara tanah air dan di sekitar ibu kota, menentang dengan amat kuat (usul ini)" ("Selayang pandang: Kongres Khas PAS meluluskan (usul) kerajaan

Pengrealisasian Kerajaan Campuran

Ekoran kelulusan usul ini, Abdul Razak Hussein dan Mohd Asri Muda telah, pada 28 Disember 1972, melafazkan satu pernyataan bersama yang menyatakan bahawa penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat ini adalah diasaskan kepada keperluan untuk "(me)nyatu(kan) seluruh tenaga untuk mencapai cita-cita kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan peribadi rakyat serta identiti masyarakat", untuk "(meng)hidupsuburkan usaha-usaha pembangunan dalam mana pembangunan kerohanian hendaklah diberi perhatian yang sama di samping pembangunan lahiriah, yang dalam hal ini nilai-nilai ketuhanan akan menjawai segenap bidang kemasyarakatan dan pembangunan sesuai dengan prinsip-prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan", untuk "(mem)upuk dan (mem)bajai konsep demokrasi berparlimen seperti yang berjalan di negara kita sekarang ini bagi memberikan sumbangan yang besar kepada wujudnya satu barisan kebangsaan yang kukuh dalam proses pembinaan negara dan rakyat" dan untuk "memajukan ekonomi dan rakyat", khususnya untuk "(me)nyerta(kan) seluruh rakyat yang mundur, khasnya ahli-ahli bumiputera yang sewajarnya, di segenap sektor, terutama dalam sektor perusahaan (dan) perdagangan".¹⁹³

Selain daripada melafazkan pernyataan bersama ini, Abdul Razak Hussein dan Mohd Asri Muda juga telah, pada tarikh yang sama, menandatangani satu nota yang membutirkkan 13--dengan 8 daripadanya¹⁹⁴ membabitkan soal pengagihan jawatan, iaitu

campuran (pada) 21 Disember 1972", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 6, Disember 1972/Januari 1973. Hlm. 3).

¹⁹³ Nota bertarikh 28 Disember 1972 bertajuk "Pernyataan Bersama Penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Semua Peringkat". Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 8.

¹⁹⁴ Lima lagi butiran persetujuan yang telah dicapai oleh Abdul Razak Hussein dan Mohd Asri Muda adalah melibatkan soal penyertaan kedua-dua belah pihak di dalam sebarang pilihan raya kecil yang bakal diadakan sepanjang kewujudan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini, soal ketidakterikatan

bahawa PAS akan diberikan sebuah kementerian, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas, di mana Menteri PAS ini akan turut dilantik menjadi Timbalan Pengurus Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia; bahawa jawatan-jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya bolehlah dipenuhi setelah Menteri PAS ini berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri; bahawa ahli-ahli PAS akan dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Dewan Negara, untuk menyertai rombongan-rombongan rasmi ke, dan menjawat jawatan-jawatan perkhidmatan di, luar negara serta untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan; dan bahawa dua Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Perikatan, juga dua Ahli Dewan-Dewan Undangan Negeri Kedah dan Terengganu dari PAS, akan dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu--persetujuan yang telah dicapai oleh mereka.¹⁹⁵

Ekoran daripada pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1973 ini, PAS, yang terpaksa memperuntukkan dua jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada UMNO di Kelantan,¹⁹⁶ telah--selain

kedua-dua belah pihak untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang secara bersendirian melainkan setelah ia diputuskan sebaliknya, soal kebebasan ahli-ahli PAS untuk membangkang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan kehendak Islam dan soal penubuhan jawatankuasa penyelaras (Nota bertarikh 28 Disember 1972 bertajuk "Persetujuan Yang Telah Dicapai Di Antara PAS Dengan Perikatan". Hlm. 1-2; dan Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 5-7). Walaupun begitu, penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini pada mulanya hanyalah melibatkan peringkat pusat sahaja dan perluasannya ke peringkat negeri dan daerah hanyalah diumumkan oleh Abdul Razak Hussein pada 11 November 1973 ("Langkah ke arah pengukuhan struktur campuran", dlm. Berita PAS, Bil. 11 Thn. 1, November 1973. Hlm. 1-2).

¹⁹⁵ Nota bertarikh 28 Disember 1972 bertajuk "Persetujuan Yang Telah Dicapai Di Antara PAS Dengan Perikatan". Hlm. 1-2; dan Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 5-7.

¹⁹⁶ Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Perikatan yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan "mulai dari 1 Januari 1973" ini ialah Hussain Ahmad dan Mohamed Idris (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 1 Februari 1973, No. 33).

diperuntukkan dengan jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas¹⁹⁷ dan dua jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Kedah¹⁹⁸ dan Terengganu¹⁹⁹ yang telah dipersetujukan sebelumnya--turut diperuntukkan dengan jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang diisi oleh tokoh penting yang membantu menjayakan agenda pembentukan kerajaan campuran ini, iaitu Abu Bakar Hamzah.²⁰⁰ Meninggalkan jawatan Menteri Besar Kelantan kepada Ishak

¹⁹⁷ "Susunan baru kabinet Razak: Dua muka baru jadi Menteri", dlm. Utusan Malaysia, 29 Disember 1972; dan Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Kedua. Jil. II, Bil. 44, Hari Selasa, 23 Januari 1973. Ruangan 5461-5470.

¹⁹⁸ Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah "*for a period of one year with effect from 7 January 1973*" dan "selama satu tahun lagi mulai dari 7 Januari 1974 hingga 6 Januari 1975" ini ialah Abu Bakar Umar dan Ismail Kassim (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 1 Februari 1973, No. 21; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 31 Januari 1974, No. 39). Abu Bakar Umar, yang telah diputuskan untuk dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974. Hlm. 3-4) bagi menggantikan tempat Abu Bakar Hamzah yang telah sebelumnya dipecat dari menjadi ahli PAS, walau bagaimanapun meletakkan jawatan beliau kemudiannya bagi membolehkan seorang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dari PAS, iaitu Harun Jusoh, dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah "selama satu tahun mulai dari 9 Jun 1974 sehingga 8 Jun 1975" (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 20 Jun 1974, No. 226).

¹⁹⁹ Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari PAS yang telah dilantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu "mulai dari 6 Januari 1973" ini ialah Kassim Ahmad dan Omar Shukri Embong (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 15 Mac 1973, No. 96).

²⁰⁰ "Susunan baru kabinet Razak: Dua muka baru jadi Menteri", dlm. Utusan Malaysia, 29 Disember 1972; dan Penyata Rasmi. Dewan Negara. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Kedua. Jil. II, Bil. 15, Hari Isnin, 12 Februari 1973. Ruangan 1289-1294. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah kemudiannya ditukarkan menjadi Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa (Penyata Rasmi. Dewan Negara. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Ketiga. Jil. III, Bil. 14, Hari Isnin, 13 Ogos 1973. Ruangan 1145-1150) manakala Abu Bakar Hamzah sendiri telah kemudiannya ditukarkan menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan ("Abu Bakar Hamzah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian", dlm. Utusan Melayu, 11 September 1973; "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 9 Thn. 1, September 1973. Hlm. 7; dan Penyata Rasmi. Dewan Negara. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Keempat. Jil. III, Bil. 16, Hari Selasa, 29 Januari 1974. Ruangan 1329-1334). Ekoran pemecatan keahlian beliau dari PAS oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib PAS pada 25 April 1974, Abu Bakar Hamzah telah, pada 14 Mei 1974, meletakkan jawatan beliau sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan (Surat Abu Bakar Hamzah kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 21 Mei 1974 bertajuk "Rayuan Di Bawah Fasal 13(5) Perlembagaan PAS Untuk Ditimbangkan Semula Menjadi Ahli Parti PAS". Hlm. 1; dan Penyata Rasmi. Dewan Negara. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Keempat. Jil. IV, Bil. 2, Hari Selasa, 14 Mei 1974. Ruangan 109-114). Tempat beliau ini telah diputuskan untuk diambil-alih oleh Abu Bakar Umar (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Mei 1974. Hlm. 3-4), tetapi pengambilalihan ini telah akhirnya tidak dapat dilaksanakan memandangkan kepada begitu hampirnya tarikh ini dengan tarikh pembubaran Dewan Rakyat, iaitu pada 31 Julai 1974 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1974. Hlm. 7 dan 30).

Lotfi Omar,²⁰¹ Mohd Asri Muda telah, sewaktu berucap di dalam majlis meraikan perlantikan beliau sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas pada 7 Januari 1973, menyatakan bahawa penghijrahan beliau ke Kuala Lumpur bukanlah untuk mengejar pangkat, tetapi adalah untuk "mencari medan yang lebih luas di mana cita-cita dan faham kita bersama dapat dilebarkan sayapnya sehingga kita dapat berbuat sebanyak mungkin dalam lingkungan yang tidak berapa banyak (yang) boleh kita lakukan".²⁰²

Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini walau bagaimanapun tidaklah berjalan terlalu lancar pada peringkat awalnya,²⁰³ di mana setakat 26 Februari 1973 hanya

²⁰¹ Pemilihan Ishak Lotfi Omar sebagai Menteri Besar Kelantan ini adalah dibuat di dalam Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Disember 1972 dengan berpandukan kepada keputusan Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 26 Disember 1972 yang menetapkan bahawa pemilihan Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Speaker Dewan Undangan Negeri dan lima Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah dibuat daripada "semua nama Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan yang ada sekarang, termasuk nama calon yang dipilih untuk bertanding dalam Kawasan Kota Bharu Tengah nanti" (Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 26 Disember 1972. Hlm. 3). Di dalam pemilihan Menteri Besar, Ishak Lotfi Omar memperolehi 21 undi berbanding 2 undi yang diperolehi oleh Mohamad Nasir; di dalam pemilihan Timbalan Menteri Besar, Mohamad Nasir--yang memang merupakan Timbalan Menteri Besar sebelumnya (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 7 Ogos 1969, No. 347)--memperolehi 23 undi berbanding 1 undi yang diperolehi oleh Mohd Amin Yaakob; di dalam pemilihan Speaker Dewan Undangan Negeri, Nik Abdullah Arshad memperolehi jumlah undi tertinggi berbanding lima nama lain; di dalam pemilihan lima Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Mohd Amin Yaakob, Salahuddin Abdullah, Wan Hashim Wan Ahmad dan Mohd Nor Yusoff memperolehi jumlah undi tertinggi berbanding lapan nama lain (Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 30 Disember 1972. Hlm. 3-4). Daripada tujuh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri asal yang mengangkat sumpah pada 15 Mei 1969, iaitu Wan Hashim Wan Ahmad, Mohd Amin Yaakob, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Mohd Nor Yusof, Abdullah Ahmad, Wan Hassan Wan Daud dan Omar Awang (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 7 Ogos 1969, No. 347), tiga, iaitu Abdullah Ahmad, Wan Hassan Wan Daud dan Omar Awang, telah diketepikan oleh mesyuarat khas ini bagi memberikan laluan kepada dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari Perikatan dan kepada Salahuddin Abdullah.

²⁰² "Asri di antara pahit dan manisnya perjuangan", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 6, Disember 1972/Januari 1973. Hlm. 5 dan 7.

²⁰³ Selain daripada ketidaklancaran perjalannya, Kerajaan Campuran Perikatan-PAS juga kelihatan gagal mendapat dokongan daripada sesetengah ahli Perikatan dan PAS sendiri pada peringkat awalnya--kegagalan yang dimanifestasikan oleh kejayaan calon-calon Bebas, iaitu Siti Nor Abdul Hamid Tuah dan Mohd Nordin Ahmad Tok Kenali, memperolehi sebanyak 10,410 undi dan 2,149 undi masing-masingnya berbanding 16,471 undi dan 4,666 undi yang diperolehi oleh calon-calon Perikatan dan PAS, iaitu Senu Abdul Rahman dan Salahuddin Abdullah, di dalam Pilihan Raya Kecil Muda, Kedah, pada 20 Januari 1973 (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Januari 1973, No. 225; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 1 Februari 1973, No. 403) dan Pilihan Raya Kecil Kubang Kerian, Kelantan, pada 10 Februari 1973 (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 18 Januari 1973, No. 32; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 15 Mac 1973, No. 89)--, malah pada peringkat akhirnya juga--kegagalan yang dimanifestasikan oleh kejayaan calon-calon SF dan Bebas, iaitu Mukhtar Abdul Rahim dan Cikgu

seorang ahli PAS di Kedah²⁰⁴ dan tiada seorang pun ahli PAS di Terengganu²⁰⁵ dilapor diserapkan ke dalam agensi kerajaan di negeri-negeri itu manakala setakat 17 Februari 1973 amalan diskriminasi dilapor masih dilakukan ke atas para penyokong PAS di Kelantan.²⁰⁶ Ketidakpuasan hati ke atas kelancaran perjalanan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini telah terluah di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973²⁰⁷ dengan laporan-laporan mengenai ketiadaan kerjasama daripada Menteri-Menteri Besar Negeri Sembilan²⁰⁸ dan Terengganu²⁰⁹ terhadap ahli-ahli PAS di negeri-negeri itu.²¹⁰ Laporan-laporan ini, yang disertai oleh pengakuan Mohd Asri Muda bahawa "sehingga sekarang belum banyak (aspek perlaksanaan kerajaan campuran) yang

Musa Salleh, memperolehi sebanyak 2,042 undi dan 2,806 undi masing-masingnya berbanding 4,154 undi dan 4,477 undi yang diperolehi oleh calon-calon Perikatan, iaitu Abdul Rashid Ngah dan Raja Mahmud Raja Mamat, di dalam Pilihan Raya Kecil Kuala Nerus, Terengganu, pada 17 November 1973 (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 8 November 1973, No. 388; dan Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 22 November 1973, No. 404) dan Pilihan Raya Kecil Pasir Putih Tengah, Kelantan, pada 4 Mac 1974 (Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 28 Februari 1974, No. 137; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 11 April 1974, No. 186).

²⁰⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Februari 1973. Hlm. 4. Pendedahan ini telah dibuat oleh Abu Bakar Umar selaku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kedah di dalam laporan lisan beliau kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini.

²⁰⁵ Ibid. Hlm. 4. Pendedahan ini telah dibuat oleh Kassim Ahmad selaku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu di dalam laporan lisan beliau kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini.

²⁰⁶ Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 17 Februari 1973. Hlm. 3. Secara khususnya, amalan diskriminasi yang diperkatakan di dalam mesyuarat ini adalah membabitkan "(pemberian) senjata-senjata api untuk pengawal-pengawal kampung", "(pemberian) plate kereta sewa", "(pemberian) permit lori", "(pemilihan) tentera wataniah", "(pemilihan) pasukan pengawal kampung" dan "(kemasukan ke program) latihan belia".

²⁰⁷ Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah tidak melangsungkan sebarang mesyuarat di antara tarikh-tarikh 26 Februari 1973 dan 14 Jun 1973 (Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 2).

²⁰⁸ Surat Pesuruhjaya PAS Negeri Sembilan, Abdullah Akin, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 5 Jun 1973 bertajuk "Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung Dan Laporan Ringkas PAS Negeri Sembilan". Hlm. 1-2.

²⁰⁹ Laporan Badan Perhubungan PAS Terengganu kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 12 Jun 1973 bertajuk "PAS Terengganu Sesudah Terbentuknya Kerajaan Campuran". Hlm. 1-2.

²¹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973. Hlm. 4 dan 7. Sewaktu mengulas luahan ketidakpuasan hati ini, Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah menyatakan bahawa "kepada (beliau), kejadian-kejadian yang berlaku itu bukanlah kerana pimpinan dari atas tapi adalah atas tindakan pemimpin-pemimpin bawahnya" kerana "pihak pimpinan atas Perikatan nampaknya (memang tidak berpuas hati) atas sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan...dan atas sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Besar Terengganu".

berjalan",²¹¹ juga oleh kekesalan Mohd Taha Kalu ke atas peristiwa perbezaan pendapat di antara Yusoff Rawa²¹² dan Peguam Negara, Abdul Kadir Yusof,²¹³ mengenai isu perlaksanaan undang-undang Islam di negara ini,²¹⁴ telah akhirnya mendorong mesyuarat itu memutuskan untuk menghantar satu nota rasmi kepada Abdul Razak Hussein.²¹⁵

²¹¹ Ibid. Hlm. 5. Di dalam perjumpaan dengan ahli-ahli PAS seluruh negeri Pahang di Kuantan sebelumnya, Mohd Asri Muda walau bagaimanapun dilapor masih menyatakan: "Menurut kajian teliti yang dibuat, berpandukan sejarah perjuangan umat Islam dan pendapat-pendapat pemuka-pemuka Islam di dalam dan luar negara, dengan mengingatkan situasi politik yang ada di negara ini, adalah dirasakan ijтиhad kita menyertai kerajaan sekarang ini akan memberi keuntungan yang besar kepada PAS" ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 5 Thn. 1, Mei/Jun 1973. Hlm. 19).

²¹² Sewaktu menjawab soalan Mawardi Lebai Teh yang meminta beliau "menyatakan sama ada kerajaan bercadang hendak menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang ibu atau sebagai suatu rujukan bagi semua undang-undang yang hendak digubalkan atau bagi undang-undang yang ada di negara ini sebagai menggantikan undang-undang British...", Abdul Kadir Yusof menyatakan: "Sungguhpun Fasal (1) Perkara 3 dalam perlembagaan menetapkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi Fasal (4) dalam perkara yang sama memperuntukkan bahawa perkara itu tidak mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam perlembagaan. Oleh itu, kuasa-kuasa perundangan di bawah perlembagaan berkenaan dengan berbagai-bagai perkara yang dinyatakan dalam senarai perundangan kepada perlembagaan tidak boleh dijadikan tertakluk kepada undang-undang agama...Oleh itu, walaupun Islam adalah agama rasmi, undang-undang Persekutuan adalah kesemuanya tidak bersabit dengan agama atau *secular laws*" (Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Ketiga. Jil. III, Bil. 5, Hari Selasa, 24 April 1973. Ruangan 517).

²¹³ Sewaktu berucap membahaskan usul ucapan terima kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, Yusoff Rawa menegaskan: "Kenapa kita tidak mahu dari sekarang ini memulakan langkah menggubal undang-undang negara bersumberkan dari agama Allah? Kenapa? Padahal perlembagaan kita mengakui bahawa Islam itulah agama negara dan pemimpin-pemimpin negara sentiasa mengajak, sentiasa menyeru, semua kita supaya menjadi masyarakat yang bertuhan... Sudah wajarlah kerajaan kita berusaha dengan segala kesungguhan menjadikan undang-undang Allah itu sumber kepada penggubalan undang-undang negara kita ini...Jadi saya berseru kepada kerajaan kita ini bertindak dengan segera mengorak langkah mengambil kaedah-kaedah Islamiah itu menjadi asas perundangan negara kerana semangat kita sekarang sudah semangat lain daripada yang dahulu..." (Ibid. Jil. III, Bil. 5, Hari Selasa, 24 April 1973. Ruangan 530-533). Penegasan beliau ini telah kemudiannya disokong oleh lidah rasmi PAS yang menyatakan: "Walaupun terdapat reaksi-reaksi yang tidak menggalakkan terhadap saranan penerapan undang-undang Islam yang dikemukakan oleh (Yusoff Rawa) itu, tetapi, sesuai dengan semangat persetujuan garis dasar enam perkara yang diperjuangkan oleh PAS melalui Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, saranan (itu) adalah merupakan satu saranan yang tepat dan kena pada waktunya" ("Dari Dewan Rakyat: Usul penerapan undang-undang Islam", dlm. Berita PAS, Bil. 5 Thn. 1, Mei/Jun 1973. Hlm. 11).

²¹⁴ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973. Hlm. 6. Sewaktu mengulas perkara ini, Mohd Asri Muda menyatakan: "Perkara ucapan dalam Parlimen itu memang telah menimbulkan reaksi yang kurang menyenangkan dan ini merupakan satu insiden yang tak patut berlaku. Mungkin kedua-duanya ada kebenaran. Yusoff (Rawa) dalam ucapannya (meminta) untuk menerapkan undang-undang Islam, bukan(nya) meminta untuk dijalankan undang-undang Islam. Jawapan Peguam Negara pula ditekankan tentang perbezaan antara *Islamic state* dan *secular state*. Cuma cara pengucapan (Peguam Negara) boleh menimbulkan penerimaan yang tidak baik".

²¹⁵ Ibid. Hlm. 6.

Di dalam nota yang telah disampaikan oleh Mohd Asri Muda kepada Abdul Razak Hussein melalui surat beliau yang bertarikh 19 Jun 1973 ini,²¹⁶ Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah menyatakan hasratnya agar perlaksanaan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini diperkemaskan lagi. Secara khususnya, ia telah meminta Kerajaan-Kerajaan Kelantan, Terengganu dan Kedah melaksanakan segala keputusan dan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Perikatan-PAS; meminta Kerajaan Pusat melantik ahli-ahli PAS ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga, perbadanan-perbadanan dan lain-lainnya sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian bersama Perikatan-PAS; meminta kerajaan-kerajaan negeri yang lain mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan PAS bagi melahirkan suasana yang lebih tenteram di antara kedua-dua belah pihak, khususnya dengan melantik ahli-ahli PAS ke dalam majlis-majlis perbandaran, majlis-majlis daerah dan jawatankuasa-jawatankuasa kemajuan kampung; dan meminta para pemimpin kedua-dua belah pihak, khususnya di peringkat pertengahan, mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh mengeruhkan suasana, sama ada melalui perkataan ataupun melalui perbuatan mereka.²¹⁷

Selain daripada ketegangan berterusan di Negeri Sembilan dan Terengganu,²¹⁸ perjalanan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS umumnya adalah lebih tenang setelah penyampaian nota ini, apatah lagi setelah PAS diperuntukkan satu jawatan Timbalan Menteri di dalam rombakan kabinet yang dibuat ekoran kematian Dr Ismail Abdul

²¹⁶ Surat Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, kepada Perdana Menteri Malaysia, Abdul Razak Hussein, bertarikh 19 Jun 1973 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Surat ini diakhiri dengan pengharapan Mohd Asri Muda agar, "dengan kebijaksanaan YAB Tun, maksud baik dari nota itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya".

²¹⁷ Nota bertarikh 14 Jun 1973 bertajuk "Nota Mengenai Perlaksanaan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS". Hlm. 1-2; dan Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 13-15.

²¹⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Julai 1973. Hlm. 2 dan 3; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 September 1973. Hlm. 2.

Rahman pada 2 Ogos 1973.²¹⁹ Keadaan ini diperkuuhkan lagi oleh ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 21, 22 dan 23 September 1973²²⁰ dalam mana beliau-- sementara mengakui ketidaklancaran pergerakan jentera kepartian PAS akibat "kurang pesatnya proses penyerapan erti dan fungsi kerajaan campuran itu"²²¹--menyatakan keyakinan beliau bahawa ideologi PAS akan dapat diperjuangkan dengan lebih jaya lagi menerusi pendekatan kerajaan campuran²²² yang dianggap bukan semata-mata fenomena sementara ini.²²³ Beliau malah menegaskan bahawa "melanjutkan kerjasama yang

²¹⁹ Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Ketiga. Jil. III, Bil. 26, Hari Isnin, 26 November 1973. Ruangan 3059. Ahli Dewan Rakyat PAS yang telah dipilih untuk menjawat jawatan Timbalan Menteri yang diperuntukkan kepada PAS ini ialah Yusoff Rawa yang memperolehi 8 undi berbanding 4 dan 3 undi yang diperolehi oleh Mohd Daud Abdul Samad dan Abu Bakar Umar masing-masingnya (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Ogos 1973. Hlm. 2). Yusoff Rawa kemudianya dijadikan Timbalan Menteri Perusahaan Utama ("Hussein dilantik Timbalan Perdana Menteri: 3 Timbalan Menteri jadi Menteri Penuh", dlm. Berita Harian, 14 Ogos 1973; "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 8 Thn. 1, Ogos 1973. Hlm. 15; dan Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Ketiga. Jil. III, Bil. 26, Hari Isnin, 26 November 1973. Ruangan 3046-3054) walaupun Kementerian Perusahaan Utama hanya diletakkan sebagai pilihan ketiga PAS untuk Yusoff Rawa selepas Kementerian Penerangan dan Kementerian Pertanian dan Perikanan (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Ogos 1973. Hlm. 3).

²²⁰ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 ini mulanya telah dicadang untuk dilangsungkan pada 6, 7 dan 8 April 1973 (Surat Setiausaha Kerja PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 31 Januari 1973 bertajuk "Mesyuarat Agung (Tahunan) PAS (Kali) Ke-19 Pada 6, 7 Dan 8 April 1973 Di Kuala Lumpur". Hlm. 1), tetapi tarikh ini telah kemudiannya dipindah kepada "bulan Ogos 1973" (Surat Setiausaha Kerja PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri, Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Pemuda dan Muslimat PAS Negeri dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 5 Mac 1973 bertajuk "Penundaan Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-19 Dan Perlembagaan Baru PAS". Hlm. 1), khasnya kepada 1, 2 dan 3 Ogos 1973 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1973. Hlm. 7), tetapi tarikh ini juga telah akhirnya dipindah lagi kepada 21, 22 dan 23 September 1973 (Surat Pemangku Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Setiausaha-Setiausaha Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat, Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 12 Julai 1973 bertajuk "Penundaan Tarikh Mesyuarat Agung (Tahunan) PAS (Kali) Ke-19 Dan Kongres Dewan-Dewan Ulama', Pemuda dan Muslimat PAS Pusat". Hlm. 1).

²²¹ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 pada 21, 22 dan 23 September 1973 (tidak bertajuk). Hlm. 2 dan 6.

²²² Ibid. Hlm. 11. Keyakinan beliau ini adalah didasarkan kepada "kecenderungan daripada pemikiran dan pengucapan yang lahir dari sebahagian besar tokoh-tokoh pemimpin terhadap pentingnya nilai-nilai kerohanian untuk pembangunan masyarakat dan negara" dan kepada "usaha-usaha untuk menerapkan prinsip-prinsip Islam ke dalam (sistem) perundangan negara (yang) sedang digiatkan di samping kerja-kerja dakwah yang semakin menggembirakan" (Ibid. Hlm. 8).

sedemikian adalah lebih bermanfaat dan lebih praktikal" memandang kepada "faedah-faedah yang sedang dan akan didapati oleh negara hasil dari(padanya)" dan memandang kepada "(ke)sesuai(annya) dengan cita-cita menuju kepada matlamat perjuangan kita".²²⁴

Di sebalik penegasan Mohd Asri Muda mengenai kebaikan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini, juga mengenai hasrat beliau untuk membawa kerajaan campuran ini memasuki pilihan raya umum yang akan datang,²²⁵ sesetengah perwakilan masih juga meluahkan ketidakpuasan hati mereka ke atas kelancaran perjalanan kerajaan campuran ini,²²⁶ khususnya di Negeri Sembilan dan Terengganu,²²⁷ juga ke atas kelembapan usaha menerapkan prinsip-prinsip Islam ke dalam sistem pemerintahan negara.²²⁸ Luahan

²²³ Ibid. Hlm. 10.

²²⁴ Ibid. Hlm. 11.

²²⁵ Hasrat Mohd Asri Muda untuk membawa Kerajaan Campuran Perikatan-PAS memasuki pilihan raya umum yang akan datang ini terpenuh apabila Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 ini telah kemudiannya dilapor meluluskan satu usul yang berbunyi bahawa "(ia) bersetuju Kerajaan Campuran Perikatan-PAS diteruskan sehingga selepas pilihan raya umum (yang) akan datang" ("Dato' Asri kalahkan Bakar Hamzah (Dua muka baru dalam Jawatankuasa Agung PAS)", dlm. Utusan Melayu, 24 September 1973).

²²⁶ Majalah Berita PAS sendiri telah kemudiannya melaporkan: "Beberapa fasal dalam persetujuan itu, iaitu pada bahagian-bahagiannya yang agak penting, umpamanya dalam bahagian 4 (perlantikan Ahli Dewan Negara dari PAS), 5 (pemilihan pemimpin-pemimpin PAS untuk menyertai rombongan-rombongan rasmi ke luar negeri dan untuk menjawat jawatan-jawatan perkhidmatan di luar negeri) dan 6 (pemilihan ahli-ahli PAS untuk mengambil bahagian di dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan), masih ada yang belum dilaksanakan dan mana-mana yang telah terlaksana masih belum terlaksana menurut semangat dan persefahaman yang dikehendaki" ("Langkah ke arah pengukuhan struktur campuran", dlm. Berita PAS, Bil. 11 Thn. 1, November 1973. Hlm. 2).

²²⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 pada 21, 22 dan 23 September 1973. Hlm. 12, 16 dan 17. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah diluahkan oleh wakil-wakil Rembau, Gemas dan Dewan Pemuda PAS Pusat. Tegas wakil Rembau: "Ada disebutkan dalam nota yang dihantarkan bahawa kerjasama akan diluaskan ke serata negeri, tapi yang musykilnya tak ada kerjasama langsung sehingga sekarang". Tegas wakil Gemas: "Khusus mengenai Negeri Sembilan, nampaknya tak ada tanda-tanda kerjasama dapat berjalan dengan kerajaan negeri itu sekarang ini". Tegas wakil Dewan Pemuda PAS Pusat: "Di Terengganu yang terlibat secara langsung dalam (kerajaan) campuran, (keadaannya) masih jauh dari (mem)uas(kan) hati".

²²⁸ Ibid. Hlm. 17-19. Ketidakpuasan hati mengenai perkara ini telah diluahkan oleh wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat dan Dewan Ulama' PAS Pusat. Tegas wakil Dewan Pemuda PAS Pusat: "Dukacita dengan berlakunya ucapan Tuan Haji Yusoff (Rawa) dalam Parlimen yang menyuarakan untuk memasukkan dasar Islam ke dalam pemerintahan negara, tapi (mendapat) jawapan yang paling tidak patut oleh Peguam Negara". Tegas wakil Dewan Ulama' PAS Pusat: "Dalam perkara usaha-usaha untuk menerapkan prinsip-prinsip Islam ke dalam negara, biarlah dapat menggambarkan bahawa ada

perasaan tidak puas hati ini mencapai kemuncaknya melalui sokongan 128 daripada mereka ke atas usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat yang meminta Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 itu "menyatakan rasa kesal yang amat sangat di atas sikap pemimpin-pemimpin PAS Pusat yang mengabaikan perlaksanaan kerajaan campuran yang sedang berjalan sekarang ini"²²⁹ berbanding bangkangan 130 daripada mereka ke atasnya walaupun setelah pengemukaan usul ini ditegur oleh Mohd Asri Muda²³⁰ dan Hasan Adli Arshad.²³¹ Sokongan kuat ke atas usul ini walau bagaimanapun gagal

penerimaan pihak yang bertanggungjawab ke arah ini. Walaupun telah 9 bulan (kerajaan campuran) berjalan, tapi masih ragu-ragu".

²²⁹ Usul ini telah pada asalnya dikemukakan oleh wakil Dewan Pemuda PAS Terengganu di dalam Kongres Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-14 pada 21 September 1973 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1973/1974. Hlm. 4-5). Di sebalik luahan rasa kesal hampir separuh daripada perwakilan ini, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 ini masih juga memilih Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad serta Abu Bakar Hamzah dan Abu Bakar Umar sebagai Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib-Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Yusoff Rawa, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Mohd Taha Kalu, Hassan Shukri, Baharuddin Abdul Latif, Dr Mohd Dali Muin, Mohd Daud Abdul Samad, Salmah Shaikh Hussain, Wan Ismail Ibrahim, Sufian Mohamad, Mohd Noor Yusoff dan Tengku Kamarulzaman Tengku Abdul Hamid sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1973/1975 ("Dato' Asri kalahkan Bakar Hamzah (Dua muka baru dalam Jawatankuasa Agung PAS)", dlm. Utusan Melayu, 24 September 1973; "Asri dipilih semula ketuai PAS (Bakar Hamzah dapat 34 undi)", dlm. Utusan Malaysia, 24 September 1973; dan "Dato' Asri dipilih lagi ketuai PAS (Bakar Hamzah tewas)", dlm. Berita Harian, 24 September 1973).

²³⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 pada 21, 22 dan 23 September 1973. Hlm. 17-18. Sewaktu mengulas pengemukaan usul ini, Mohd Asri Muda, sementara mengakui bahawa "antara negeri-negeri yang terlibat dalam campuran, negeri Terengganulah yang lebih banyak persoalannya", turut menyatakan bahawa "(adalah) t(id)ak tepat (jika) hendak dikatakan pihak pemimpin PAS mengabaikan ikhtiar. (Kita) (ber)ikhtiar, cuma (ia) tak berjalan dengan lancar". Beliau telah seterusnya meminda usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat ini menjadi "menyatakan rasa kesal kepada Ketua Kerajaan Negeri Terengganu kerana mengabaikan perlaksanaan kerajaan campuran yang sedang berjalan sekarang ini", tetapi usul ini telah ditarik balik oleh beliau kemudiannya menyatakan: "Kita seharusnya lebih yakin sekarang bahawa penyertaan kita dalam kerajaan campuran sudah terbukti banyak kebaikannya. Mendung keraguan sebelum ini yang memuramkan wajah sebahagian daripada kalangan kita sekarang perlahan-lahan terkuak dan langit masa depan perjuangan kita kelihatan lebih cerah dan segar meskipun penuh dengan cabaran" ("Menjelang 1974: Setahun PAS dalam (kerajaan) campuran", dlm. Berita PAS, Bil. 12 Thn. 1, Disember 1973. Hlm. 3).

²³¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-19 pada 21, 22 dan 23 September 1973. Hlm. 18. Sewaktu mengulas pengemukaan usul ini, Hasan Adli Arshad menyatakan bahawa "kalau diluluskan usul (wakil Dewan) Pemuda (PAS Pusat) ini seolah-olah mesyuarat hari ini *condemn* Jawatankuasa (Kerja) Agung (PAS), dan kalau diterima pindaan (yang dibuat oleh Mohd Asri Muda) bermakna kita *condemn* Menteri Besar Terengganu, nanti akan ada orang-orang UMNO *condemn* Menteri Besar Kelantan pula".

menghalang Mohd Asri Muda daripada membayangkan kesediaan PAS untuk menyertai Barisan Nasional yang sedang diura-urakan itu di dalam ucapan penggulungan beliau.²³²

²³² Ibid. Hlm. 19-20. Bayang Mohd Asri Muda: "Mengenai apa yang dipanggil 'National Front' itu masih awal kerana pengertian 'National Front' itu sendiri belum diketahui dan belum wujud, tapi bila negara berkehendakkan satu tenaga seluruh rakyat untuk menghadapi satu-satu masalah nasional, maka satu gabungan besar parti-parti politik yang bersatu dalam menghadapi persoalan itu boleh dikatakan 'National Front'. Umpama (kerajaan) campuran yang ada sekarang, pemimpin-pemimpin mengatakan semangat 'National Front' telah wujud walaupun hakikatnya belum wujud".